05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENDEKATAN "*THEATRE GAMES*" DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BERSEPADU PENDIDIKAN SENI VISUAL SEKOLAH MENENGAH

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

MOHAMAD SAYUTI BIN SEMAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2020

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENDEKATAN "*THEATRE GAMES*" DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BERSEPADU PENDIDIKAN SENI VISUAL SEKOLAH MENENGAH

MOHAMAD SAYUTI BIN SEMAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN SENI (MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI SENI, KOMPUTERAN DAN INDUSTRI KREATIF
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2020

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Sila tanda (√)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada ...10...(hari bulan)November(bulan) 2020

i. Perakuan pelajar :

Saya, MOHAMAD SAYUTI BIN SEMAN (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk PENDEKATAN "THEATRE GAMES" DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BERSEPADU PENDIDIKAN SENI VISUAL SEKOLAH MENENGAH adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

_____
Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, PROF. MADYA DR. MOHD ZAHURI BIN KHAIRANI (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PENDEKATAN "THEATRE GAMES" DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BERSEPADU PENDIDIKAN SENI VISUAL SEKOLAH MENENGAH (TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA PENDIDIKAN (SENI) (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

_____ _____
Tarikh Tandatangan Penyelia

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / *Title*: PENDEKATAN "THEATRE GAMES" DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DAN PEMBELAJARAN BERSEPADU PENDIDIKAN SENI VISUAL SEKOLAH MENENGAH

No. Matrik /*Matric No.*: M20172002307

Saya / *I* : MOHAMAD SAYUTI BIN SEMAN

(Nama pelajar / *Student's Name*)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
   The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
   Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
   The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (√) bagi pilihan kategori di bawah */ Please tick (√) from the categories below:-*

☐	**SULIT/*CONFIDENTIAL***	Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*
☐	**TERHAD/*RESTRICTED***	Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*
☐	**TIDAK TERHAD / *OPEN ACCESS***	

_____
(Tandatangan Pelajar/ Signature)

_____
(Tandatangan Penyelia / *Signature of Supervisor*)
& (Nama & Cop Rasmi / *Name & Official Stamp*)

Tarikh: _____

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the related authority/organization mentioning the period of confidentiality and reasons for the said confidentiality or restriction.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENGHARGAAN

Alhamdulilah syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan taufik hidayah-Nya saya berjaya menyiapkan kerja penyelidikan ini. Ribuan terima kasih kepada Kolej Zaba dan fasilitator daripada kolej kediaman Zaba banyak memberi kerjasama dalam menyelesaikan kerja penyelidikan ini. Segala khidmat yang diberikan saya amat hargai. Ribuan terima kasih murid sekolah dari Perak, Johor dan Selangor yang telah datang ke Kolej Zaba dan menyertai bengkel pembelajaran bersepadu dan memberi kerjasama yang baik. Semoga ilmu dan pengalaman yang murid perolehi ini menjadi bekalan yang amat berguna pada masa akan datang.

Terima kasih diucapkan buat semua staf Kolej Zaba dan mahasiswa/siswa yang menjadi fasilitator atas bantuan dan pertolongan yang disumbangkan kerana memberi tempat menggunakan *student lounges* Kolej Zaba di blok A.

Ucapan ribuan terima kasih dan penghargaan saya rakamkan kepada penyelia pertama iaitu Prof Madya Dr. Mohd Zahuri Bin Khairani dan penyelia kedua iaitu Dr. Muhamad Firdaus Bin Ramli yang telah banyak memberi tunjuk ajar dan selama di bawah bimbingan mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ABSTRAK

Kajian pengajaran dan pembelajaran bersepadu PSV bertujuan untuk mengenal pasti kesesuaian pendekatan integrasi, menjalankan kaedah pembelajaran bersepadu dan menghasilkan sebuah model pembelajaran bersepadu yang bersesuaian dalam Pendidikan Seni Visual Kurikulum Standard Sekolah Menengah berasaskan *Theatre Games.* Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan reka bentuk kajian kes sebagai metodologi kajian yang dilaksanakan iaitu pemerhatian, temu bual dan kajian perpustakaan serta bengkel PdP bersepadu PSV. Seramai 5 orang ahli akademik dipilih menjadi informan dan 3 buah sekolah dipilih sebagai sampel kajian. Hasil dapatan kajian yang diperoleh mendapati model pembelajaran yang digunakan dapat meningkatkan kreativiti dan penerimaan murid dalam PdPc bersesuaian dengan Pembelajaran Abad ke-21(PAK21). Model pembelajaran dan pemudahcaraan berfokus pada Bidang Bahasa Seni Visual yang menumpukan tajuk unsur seni dalam DSKP KSSM Tingkatan 1 Pendidikan seni Visual. *Theatre Games* mewujudkan keyakinan diri, kreativiti, dan sensitiviti murid untuk menyesuaikan diri melalui persekitaran. Implikasi Kajian merupakan satu kaedah terapi kepada murid semasa PdPC yang memerlukan pendekatan baharu dalam aplikasi PdP bersepadu dalam mata pelajaran PSV.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

THE INTEGRATED APPROACH OF "THEATRE GAMES" IN THE EDUCATION PROCESS OF TEACHING AND STUDYING VISUAL ARTS IN SECONDARY SCHOOL

ABSTRACT

Visual Arts Education integrated teaching and learning research aimed to identify the suitability of integrated approach, to run an integrated teaching and learning, and to create an integrated learning model that fits with the Visual Arts Education Curriculum based on Theatre Games. This research was conducted by using qualitative method by conducting case study design as research methodology through, observations, interviews and library study; also; an integrated Visual Arts Education teaching and learning workshop. 5 academicians were selected as informants and 3 schools were selected as research samples. From the results of the study, it was found that the learning model used was able to increase pupils' creativity and acceptance towards teaching and learning befitting the 21st century learning. The teaching and facilitation model focused on Visual Arts Language which centred on the topic of art elements in Form 1 *Standard Document for Curriculum and Assessment of* the Standard Based Curriculum for *Secondary* Schools. Theatre Games builds self-confidence, creativity, and pupils' sensitivity to fit in with the surrounding. Research implication was one new therapy method used during teaching and learning which required a new approach in the application of teaching and learning in the Visual Arts Education subject.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KANDUNGAN

		Muka Surat
PENGAKUAN		ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS		iii
PENGHARGAAN		iv
ABSTRAK		v
ABSTRACT		vi
KANDUNGAN		vii
SENARAI RAJAH		xi
SENARAI JADUAL		xii
SENARAI GAMBAR		xiii
SENARAI SINGKATAN		xiv
BAB 1 PENGENALAN		1
1.0	Pengenalan	1
1.1	Latar Belakang Kajian	2
1.2	Penyataan Masalah	6
1.3	Tujuan Kajian	8
1.4	Objektif Kajian	9
1.5	Persoalan Kajian	9
1.6	Kepentingan Kajian	10
1.6.1	Kepentingan kepada Institusi/Agensi	10
1.6.2	Kepentingan kepada Murid	10

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.6.3 Kepentingan kepada Guru Kreatif dan Inovatif 11

1.6.4 Kepentingan kepada Sekolah 11

1.7 Skop dan Batasan Kajian 12

1.8 Kerangka Konseptual Kajian 13

1.9 Definisi Operational 14

1.9.1 Pengajaran Bersepadu 14

1.9.2 Pembelajaran Bersepadu 14

1.9.3 Pendidikan Seni Visual 14

1.9.4 *Theatre Games* 15

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR 16

2.0 Kajian Literatur 16

2.1 Konsep Pembelajaran Bersepadu 17

2.2 Ciri-Ciri Pembelajaran Bersepadu 24

2.3 Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) 25

2.4 Hubung Kait PSV dan KSSM 30

2.5 Teori Perkembangan Model Pembelajaran Bersepadu 31

2.6 Teori *Integrated Learning* (Pembelajaran Bersepadu) 35

2.6.1 Pendekatan Maria Montessori dalam Pembelajaran 39

2.7 Pembelajaran Bersepadu Berasaskan *Theatre Games* 41

2.7.1 Ciri-Ciri *Theatre Games* 41

2.8 Kajian Lampau 42

2.9 Kajian Tinjauan 45

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN 47

3.0 Metodologi Kajian 47

3.1 Reka Bentuk Kajian 48

3.2 Kajian Kes 49

3.3 Proses Pengumpulan Data 50

3.4 Proses Menjalankan Kajian 51

3.5 Instrumen Kajian Secara Semi Struktur 55

3.5.1 Temu Bual 55

3.5.2 Pemerhatian 56

3.5.3 Perpustakaan 56

3.5.4 Kaedah Dokumentasi dan Rakaman Visual 56

3.5.5 Bengkel PdPC Kaedah *Theatre Games* 57

3.6 Kaedah Triangulasi 57

3.7 Cara Menganalisis Data 58

3.8 Kaedah Pembelajaran Bersepadu Dilaksanakan dalam Bilik Darjah 63

3.8.1 Pendekatan *Theatre Games* 63

3.8.1.1 *Exploding Atom* 63

3.8.1.2 Improvisasi 65

3.8.2.3 *Magic If* 66

3.8.2.4 *Actors Toolbox* 68

3.9 Pembangunan Model Pengajaran Pendidikan Seni Visual *Theatre Games* 69

BAB 4 DAPATAN KAJIAN 76

4.0 Pengenalan 76

4.1 Persoalan Kajian 1 77

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2 Persoalan Kajian 2 78

4.2.1 Pemerhatian 78

4.2.1.1 Rancangan Pengajaran Harian (Garisan) 78

4.2.1.2 Rancangan Pengajaran Harian (Rupa) 79

4.2.1.3 Rancangan Pengajaran Harian (Bentuk) 81

4.2.1.4 Rancangan Pengajaran Harian (Warna) 82

4.2.1.5 Rancangan Pengajaran Harian (Jalinan) 82

4.2.1.6 Rancangan Pengajaran Harian (Ruang) 83

4.3 Hasil Dapatan Bengkel Pembelajaran Bersepadu 84

4.4 Temu Bual 88

4.4.1 Guru 89

4.4.2 Pensyarah 90

4.4.3 Jabatan Pendidikan 92

4.5 Dapatan Triangulasi Data 92

BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN 95

5.0 Pengenalan 95

5.1 Rumusan dan Kesimpulan 96

5.1.1 Pembangunan Model Pengajaran dan Pembelajaran 99

5.2 Cadangan Kajian Lanjutan 100

RUJUKAN 102

LAMPIRAN 108

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka Konseptual Kajian	13
1.2	Transformasi Kurikulum	29
1.3	*Ten Way to Integrated Learning Curiculum Education Leadership*	33
1.4	Model *Integrated Learning*	33
1.5	*Theory Integrated Learning*	36
1.6	*Discovery Learning*	37
1.7.	*Disciplined Inquiry*	38
1.8	*Compelled Learning*	39
1.9	*Induced Learning*	39
2.0	Triangulasi Kaedah Pengumpulan Data	58
2.1	Model Pembelajaran Bersepadu	70
2.2	Model ADDIE	70
2.3	Model *Integrated Learning Art Visual Education Theatre Games*	72
2.3	Model *Integrated Learning Art Visual Education Theatre Games*	99

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
1.0	Matrik Pengumpulan Data	62

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI GAMBAR

No. Gambar		Muka surat
1.1	Theatre Games : Ice Breaking	85
1.2	Theatre games : Games Improvisation	86
1.3	Theatre Games : Games Splat	87
1.4	Theatre Games : Games Castel Straw	88

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI SINGKATAN

DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
ICT	*Information Communication and Technology*
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
PAK21	Pembelajaran Abad ke-21
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PdPc	Pembelajaran dan Pemudahcaraan
PSV	Pendidikan Seni Visual
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
TIE	*Theatre in Education*
UNESCO	*United Nations Educational Scientific and Cultural Organization*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 1

PENGENALAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.0 Pengenalan

Pembelajaran bersepadu pada abad ke-21 lebih ke arah kaedah dan konsep yang meningkatkan *output* kecemerlangan murid. Pembelajaran bersepadu adalah konsep yang menggunakan pendekatan pembelajaran konsep-konsep secara berhubung kait dengan mata pelajaran yang lain. Pengajaran bersepadu di dalam kajian ini menggabungkan kemahiran khasnya dalam bidang Seni Persembahan untuk menjadi fokus terhadap satu pendekatan mengikut kesesuaian dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan di dalam dan di luar bilik darjah. Proses ini adalah untuk meningkatkan kefahaman dan penglibatan murid berasaskan Kurikulum Standard Sekolah Menengah melalui pendekatan *Theatre Games.* Subjek Pendidikan Seni Visual memerlukan kepelbagaian pendekatan yang kreatif dan inovatif khasnya untuk murid menengah rendah supaya asas kefahaman aspek teori dan praktis dapat dijalankan dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berkesan. Hal ini, guru merupakan *moderator* dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPC) yang lebih dinamik dan kreatif dengan standard kandungan pembelajaran yang relevan dan sesuai dengan perkembangan semasa bagi menyampaikan ilmu secara berkesan menerusi penggunaan teknologi dalam era globalisasi. Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) adalah transformasi kurikulum yang digubal bagi melahirkan murid yang berupaya mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta secara kreatif dan inovatif seiring dengan Kemahiran Abad Ke-21. Menurut Maeda (2013) telah menyatakan bahawa transformasi kurikulum telah menjadi perhatian dan tumpuan kepada pergerakan pendidikan global dari segi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) kepada Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPC) bagi memperkembangkan seni. Pembelajaran bersepadu ini adalah untuk meningkatkan kefahaman murid dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah berasaskan *Theatre Games*. Pendidikan Seni Visual dalam era globalisasi, adalah *moderator* atau pemudah cara mendapatkan ilmu pengetahuan dan maklumat semasa.

1.1 Latar Belakang Kajian

Pembelajaran Pendidikan Seni Visual adalah untuk membina keupayaan bagi mengapresiasi dan menvisualisasikan apa yang dilihat oleh mata. Literasi visual ini juga meliputi keupayaan menggunakan bahasa seni visual dalam aspek unsur seni dan prinsip rekaan. Menurut Ariffin (2010) menyatakan bahawa keupayaan membaca, membuat interpretasi dan membuat justifikasi secara kritikal ini termasuklah keupayaan melukis dan menganalisis makna melalui pelbagai media seni. Pembelajaran bersepadu adalah satu kaedah, konsep dan strategi pembelajaran yang komprehensif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pembelajaran bersepadu dilaksanakan secara holistik, melalui pelbagai kaedah dan strategi untuk menarik perhatian murid semasa sesi PdPC. Pembelajaran bersepadu diaplikasikan mengikut penerimaan murid semasa di sekolah yang berpandukan aspek kognitif, psikologi dan efektif mengikut kemampuan murid serta kebolehan yang mampu memberi rangsangan yang positif kepada murid ketika proses PdPC Pendidikan Seni Visual.

Mata pelajaran Pendidikan Seni Visual adalah mata pelajaran wajib dipelajari murid menengah rendah bagi meningkatkan tahap berfikir kreatif dan kritis seiring dengan perkembangan pembelajaran. Pembelajaran bersepadu adalah lebih ke arah melatih murid berkomunikasi, kolaboratif, kreatif dan kritis. Menurut Abdul Manaf (2007) bahawa keperluan mempelajarinya sudah menjadi satu kemestian dan pihak yang terlibat dalam bidang pendidikan serta menjadi kewajipan kepada ahli akademik memberi pengetahuan ini kepada murid melalui pendekatan baharu dan menarik. Pendekatan pembelajaran abad ke-21, merupakan satu medium tarikan minat dan sinonim dengan pemikiran murid pada kini.

Strategi pembelajaran bersepadu sangat meluas yang boleh diaplikasikan dalam PdPC, dalam kajian ini lebih berfokus kepada pembelajaran bersepadu dengan menggunakan kaedah *Theatre Games*. Kaedah ini bertujuan untuk memberi peluang kepada murid supaya memupuk minat dan memperkembangkan bakat serta mengenali unsur-unsur kesenian bahkan mempunyai kepekaan kreatif dan inovatif. Di samping itu, *Theatre Games* adalah salah satu pendekatan didik hibur kepada murid supaya tidak bosan dan mengikut kesesuaian persekitaran dalam kelas dan luar kelas. Namun, pendekatan baharu dalam pendidikan perlu diterapkan dalam pembelajaran dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pemudahcaraan bagi meningkatkan kuantiti dan kualiti murid kreatif dan kritis. Manakala, aspek pendekatan *facilitate learning* dapat menggalakkan murid lebih banyak menggunakan kawalan proses pembelajaran, dengan membekalkan guru sebagai fasilitator yang memberi sumber dan sokongan nasihat dalam pembelajaran murid. Justeru, menurut Osburn (2010) pendekatan *Theatre Games* dapat mengurangkan kuantiti murid yang pasif dalam bilik darjah berbanding guru masih menggunakan pendekatan tradisional kerana pemilihan teknik *Theatre Games* dalam PdPC Pendidikan Seni Visual ialah bercirikan aktif, menyediakan pengalaman langsung dan pembelajaran berpusatkan murid. Hal ini, murid tidak bosan dan menjadi daya tarikan untuk belajar. Penyampaian guru dan penerimaan murid perlu dilihat dari segi fasiliti kondusif yang banyak menyumbang ke arah keberkesanan dalam pembelajaran murid. Guru dapat mengaplikasikan persekitaran bagi meningkatkan kemahiran pengajaran melalui suasana kondusif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pendekatan *Theatre Games* adalah proses lakonan murid terlibat secara aktif dan ini akan meningkatkan ingatan dan pemahaman murid tentang nilai yang dipelajari. Jika disusun mengikut kadar keaktifan tahap pemahaman murid berbeza mengikut aktiviti PdPC yang di jalankan di bilik darjah dan luar bilik darjah. Menurut Dale (1969) murid yang terlibat secara langsung dalam lakonan (drama dan teater) mengingati 90 peratus daripada isi kandungan pengajaran kerana murid melalui pengalaman langsung.

Pelaksanaan pembelajaran bersepadu Pendidikan Seni Visual bagi mengurangkan guru yang masih melaksanakan gaya pembelajaran konvensional ke atas murid pada abad ke-21. Pendekatan *Theatre Games* mempengaruhi guru dan murid melalui *facilities learning* atau *facilities environment* secara tidak langsung. Pendekatan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ini diaplikasi secara langsung dalam bilik darjah dan di luar bilik darjah bagi menarik minat dan perhatian murid dalam suasana yang berbeza melalui *Theatre Games* relevan kerana teknik ini berasaskan permainan dan murid dapat terlibat secara fizikal dan mental dalam proses PdPC. Pendekatan konvensional kurang memberi rangsangan kepada murid untuk belajar berbanding pelaksanaan PdPC ke arah satu aktiviti permainan. Namun, bergantung dengan unsur-unsur semasa yang memberi *input* dan *output* positif dalam perkembangan pengetahuan kepada guru dan murid.

Pendekatan *Theatre Games* dalam bilik darjah bersifat integrasi dalam pelbagai subjek dalam PdPC. Pendekatan yang aktif dan dramatik melibatkan murid dalam pembelajaran akademik, afektif dan estetik. Namun, boleh digunakan untuk memperkenalkan konsep dan tema baharu bagi menyemak pengetahuan menerangkan fakta dan konsep. Teknik pengajaran menekankan matlamat pemecahan masalah dan pemikiran kreatif yang lebih luas melalui penciptaan pengalaman kinestetik dan interaktif. Menurut Rahaman (2018) pendekatan ini digunakan dalam PdPC aspek teori subjek Pendidikan Seni Visual melalui konsep *fun-learning* di dalam bilik darjah akan menjadikan proses pembelajaran lebih interaktif serta berpusatkan murid. Justeru, suasana ceria di dalam bilik darjah adalah merujuk kepada amalan *fun-learning* guru. Menurut (Yahya, 2012 & Tag Meng Guat, 2015) menyatakan mengaitkan humor dengan kelucuan yang boleh menyebabkan seseorang menjadi seronok apabila mendengar dan melihat pergerakan. Pengajaran teori Pendidikan Seni Visual tidak seharusnya menekankan kepada penguasaan isi kandungan semata-mata. Namun, murid perlu diajar dalam suasana yang selesa dan menyeronokkan. Hal ini, murid akan berasa tidak selesa apabila guru mengajarkan teori dengan baik, tetapi dalam keadaan yang membosankan. Fokus pelaksanaan pembelajaran bersepadu adalah kepada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penguasaan pemahaman teori subjek Pendidikan Seni Visual dalam kalangan murid melalui pendekatan *Theatre Games* dalam konteks *fun-learning* dan apresiasi seni. Menurut (Zailah Zainudin, 2012 & Jamian, 2016) telah menyatakan antara contoh *fun-learning* ialah sesi pembelajaran yang menyeronokkan dengan unsur jenaka, estetik, permainan, muzik dan lakonan.

1.2 Penyataan Masalah

Pendidikan Seni Visual pada abad ke-21 telah meluas dalam pendidikan bagi memenuhi harapan dan keperluan pendidikan pada masa depan. Namun, guru Pendidikan Seni Visual kurang mahir dalam pedagogi pengajaran abad ke-21. Menurut Harun (2014) beliau mendefinisikan kemahiran sebagai keupayaan individu dalam menggunakan dan meningkatkan pengetahuan serta kemahiran yang diperolehi dalam melaksanakan tugasan dengan cemerlang untuk mencapai sesuatu objektif. Menurut Harun (2014) lagi, masih ada guru kurang mahir dalam menyampaikan proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas atau di luar kelas.

Menurut Iberahim Hasan (2001) telah menyatakan tokoh-tokoh pendidik dan penyelidik dalam Pendidikan Seni Visual tidak bersetuju dengan pendapat bahawa sesiapa sahaja bergelar guru boleh mengajar Pendidikan Seni Visual dan mata pelajaran ini kononnya tidak ada potensi. Pendapat ini disokong oleh Mohd Johari Abd Hamid (2006) bukan semua guru boleh menjadi guru visual. Malahan guru opsyen Pendidikan Seni Visual belum mampu juga mengajar dengan sebaik baik mungkin dengan peredaran zaman yang banyak perubahan sistem pendidikan. Permasalahan ini juga

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berlaku kerana guru kurang berkemahiran disebabkan tidak berkesempatan untuk mengasah kreativiti dan bakat mereka kerana terpaksa mengajar mata pelajaran yang penting untuk peperiksaan.

Justeru, menyebabkan murid sukar untuk memahami konsep dan kemahiran yang disampaikan dalam pengajaran dan proses penghasilan aktiviti seni. Guru yang tiada daya kompetensi dan pengetahuan tidak mampu mewujudkan peranan utama dalam menentukan keberhasilan dalam mengembangkan pengetahuan, sikap dan kemahiran. Kenyataan ini disokong oleh Hastad dan Lacy (1998) yang menyatakan bahawa peranan guru Pendidikan Seni Visual adalah untuk mengembangkan dan mempertingkatkan prestasi murid dalam domain kognitif, psikomotor dan afektif.

Majoriti pakar pendidikan bersetuju bahawa kaedah pengajaran dan pembelajaran harus berubah mengikut perkembangan teknologi yang semakin maju. Menurut Suraya (2017) kaedah pengajaran konvensional dan *monodisplin* yang dibentuk kurang berhasil menarik minat murid bukannya lebih dinamis dan kreatif berbanding dengan kandungan pengajaran *multi-disciplinary* yang relevan dengan situasi semasa. Menurut Suraya Bahrum, Norsalawati Wahid, & Nasir Ibrahim (2017) menyatakan kajian lampau mendapati kebanyakan guru tidak menyedari, tidak tahu dan tidak mahir dalam menggunakan pendekatan atau gabungan *multi-disciplinary*. Apabila arahan pembelajaran dengan subjek lain menjadi faktor yang menyumbang kepada pembelajaran *monodisiplin*. Hal ini, sejajar dengan Iberahim (2000) juga menyatakan bahawa guru kurang berpengalaman, berpengetahuan dan tidak menguasai mata pelajaran Pendidikan Seni Visual. Pembelajaran *monodisiplin* terdapat beberapa kelemahan dan disokong oleh Soffie (2013), di mana murid tidak dapat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mengembangkan persepsi dan imaginasi dalam menghasilkan karya kreatif dan inovatif disebabkan murid kurang pendedahan. Justeru, KSSM Pendidikan Seni Visual juga berfokus pada Elemen Merentas kurikulum (EMK) iaitu pada unsur nilai tambah yang diterapkan dalam PdP. Elemen ini dapat mengukuhkan kemahiran dan keterampilan modal insan yang dapat menangani cabaran semasa dan masa depan yang perlu dititikberatkan melalui kreativiti dan inovasi yang dipraktikkan di alam persekolahan. Guru PSV perlu menerapkan elemen kreativiti dan inovasi yang diintegrasikan dalam PdPC.

Maka, pendekatan baru dalam PdPC PSV perlu dibuat bersesuaian dengan proses pembelajaran Abad ke-21. Oleh yang demikian, kajian dijalankan untuk memberi satu keperluan analisis bagi pembangunan model pembelajaran bersepadu dalam Pendidikan Seni Visual di sekolah menengah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.3 Tujuan Kajian

Tujuan utama kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti kesesuaian dan menjalankan kaedah penghasilan sebuah model pembelajaran bersepadu dalam Pendidikan Seni Visual Kurikulum Standard Sekolah Menengah berasaskan *Theatre Games* dalam aspek kognitif, psikomotor dan afektif. Di samping itu, penyelidik juga ingin menggalakkan guru menggunakan kaedah pembelajaran bersepadu dalam Pendidikan Seni Visual, berpandukan KSSM bagi meningkatkan pedagogi guru dalam PdPC. Inovasi dalam sistem pendidikan amat penting bagi mencapai misi dan visi Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) iaitu melahirkan modal insan yang seimbang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan harmoni dari segi aspek jasmani, emosi rohani dan intelek. Melalui kajian ini, guru-guru Pendidikan Seni Visual bersikap lebih kreatif dan inovatif dalam melaksanakan KSSM melalui aspek PdPC abad ke-21. Di samping itu, kajian ini juga bertujuan untuk melihat sumbangan penting dalam mengukuhkan keberkesanan kaedah pembelajaran bersepadu berasaskan *Theatre Games* ke arah Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan.

1.4 Objektif Kajian

Penyelidikan ini secara khususnya adalah :

- Menyesuaikan pendekatan integrasi dalam pembelajaran abad ke-21 KSSM untuk subjek Pendidikan Seni Visual menengah rendah.
- Menjalankan kaedah pembelajaran bersepadu berasaskan *Theatre Games* Pendidikan Seni Visual menengah rendah.
- Menghasilkan model pembelajaran dan pemudahcaraan berasaskan *Theatre Games* PSV untuk KSSM.

1.5 Persoalan Kajian

- Sejauh manakah kesesuaian pendekatan integrasi dalam pembelajaran abad ke-21 KSSM untuk subjek Pendidikan Seni Visual menengah rendah.
- Bagaimanakah kaedah pembelajaran bersepadu berasaskan *Theatre Games* Pendidikan Seni Visual menengah rendah.
- Apakah bentuk model pembelajaran dan pemudahcaraan berasaskan *Theatre Games* PSV untuk KSSM.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini telah menghasilkan gaya pembelajaran bersepadu yang disesuaikan mengikut Kurikulum Standard Sekolah Menengah yang berasaskan *Theatre Games* pada abad ke-21. Hasil dapatan akan memberi sumbangan dan penambahbaikan dalam kaedah pengajaran dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPC). Hasil kajian ini juga adalah untuk aktiviti pembelajaran dan pemudahcaraan mata pelajaran Pendidikan Seni Visual di sekolah. Justeru, pendekatan ini memberi kesan positif kepada murid dalam pencapaian pembelajaran dari segi kurikulum. Antaranya kepentingan penyelidikan ini adalah:

1.6.1 Kepentingan Kepada Institusi/Agensi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini dapat menjadi sumber ilmu dan model kepada guru-guru pelatih di Universiti Pendidikan Sultan Idris sebagai satu daripada kaedah alternatif dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual.

- Pihak universiti dapat menjadikan hasil dapatan penyelidikan ini sebagai topik perbincangan melalui aktiviti-aktiviti kolokium, bengkel, dan seminar pendidikan.
- KPM dan JPN dapat menjadikan hasil dapatan penyelidikan ini sebagai rujukan dalam memperkemaskan metodologi pembelajaran dan pemudahcaraan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.6.2 Kepentingan kepada Murid

- Membantu meningkatkan pendekatan PdPC secara *fun-learning*.
- Menimbulkan sikap yang positif terhadap pembelajaran melalui motivasi pembelajaran terbuka yang lebih terbuka.
- Membantu meningkatkan kemahiran berfikiran kritis.
- Menambahkan penglibatan dalam pembelajaran dan lebih bertanggungjawab terhadap kemajuan diri dan ahli kumpulan.
- Mengembangkan kemahiran menyelesaikan masalah proses interaksi.

1.6.3 Kepentingan Kepada Guru Kreatif dan Inovatif

- Model bersepadu menjadi rujukkan kepada guru untuk melaksanakan PdPC kepada murid
- Memainkan peranan sebagai penasihat, pemimpin, fasilitator, pendidik dan rakan murid.
- Mencapai objektif kurikulum yang seimbang dari segi akademik, perkembangan individu dan sosial.

1.6.4 Kepentingan kepada Sekolah

- Meningkatkan kuantiti dan kualiti guru yang mempunyai *multi-intelligence* dalam pembelajaran dan pemudahcaraan PSV di sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.7 Skop dan Batasan Kajian


Kajian ini menjelaskan pengajaran dan pembelajaran pengetahuan bersepadu (*Integrated Knowledge*) yang dijalankan di Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak. Kepentingan pengetahuan ini berasaskan pembelajaran dan pemudahcaraan integrasi yang merangka aktiviti pembelajaran dan pemudahcaraan yang bersifat bersepadu bagi mata pelajaran Pendidikan Seni Visual dengan pendekatan *Theatre Games*. Kajian ini adalah kajian perbandingan negeri iaitu negeri Perak, Selangor dan Johor manakala pemilihan sekolah mengikut kriteria tahap pencapaian murid. Antara sekolah yang menjadi pilihan ialah Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Azlan Shah, Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Universiti 1 dan Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Bendena. Lokasi sekolah ini berada luar bandar dan di bandar. Pelaksanaan model pembelajaran akan dijalankan di *Student Lounge* Kolej Za'ba bagi menilai dan menguji tahap model kepada murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.8 Kerangka Konseptual kajian

Satu kerangka konseptual kajian telah direka bentuk untuk menggambarkan pembelajaran bersepadu berasaskan *Theatre Games* Pendidikan Seni Visual.



Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Kajian diadaptasi dan diubahsuai daripada "Penilaian Kesedaran Strategi Metakognitif dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Kalangan Murid Biologi", oleh Farah Aida Sanip, 2015.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.9 Definisi Operasional

Definisi ini adalah memudahkan penjelasan untuk membantu pemahaman pembaca dengan istilah yang digunakan khusus dalam kajian.

1.9.1 Pengajaran Bersepadu

Menurut Ujang Sukandi (2001) menyatakan pengajaran bersepadu pada dasarnya dimaksudkan sebagai aktiviti mengajar dengan menggabungkan beberapa mata pelajaran dalam satu tema. Pelaksanaan aktiviti pembelajaran dan pemudahcaran dapat dilaksanakan dalam bilik darjah setiap mata pelajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.9.2 Pembelajaran Bersepadu

Menurut Sri Anitah (2003) menyatakan pembelajaran bersepadu adalah sebagai suatu konsep yang menggunakan pendekatan pembelajaran konsep-konsep secara berhubung kait antara mata pelajaran. Justeru, hubungan antara setiap konsep bersepadu akan memudahkan penglibatan aktif pelajar dalam proses pembelajaran dan mendorong murid untuk memahami konsep-konsep yang dipelajari melalui pengalaman langsung dan menghubungkannya dengan pengalaman nyata. Di samping itu, sesuai dengan ciri-ciri pembelajaran bersepadu yang dihuraikan oleh Tim Pengembang PGSD (1996) iaitu berpusat pada murid yang memberikan pengalaman langsung.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.9.3 Pendidikan Seni Visual

Menurut Fieldmen (1992), memberi definisi pendidikan seni sebagai usaha yang melibatkan pengajaran dan pembelajaran yang menganalisis dan memahami seni, di samping mengetahui tentang dunia melalui seni. Pendidikan Seni Visual ini meliputi sejarah dan apresiasi seni visual, seni halus, reka bentuk, seni kraf dan komunikasi visual. Pendidikan Seni Visual mengkaji fungsi dan setiap bentuk objek dihasilkan. Pendidikan Seni Visual merangkumi pelbagai kaedah yang digunakan dalam menghasilkan seni, mempelajari sejarah dan antropologi seni, membezakan makna seni dan melihat hasil karya seni dengan nilai estetika.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.9.4 Theatre Games

Permainan teater (*Theatre Games*) pertama kali digunakan oleh Viola Spolin pada tahun 1946 untuk melatih artis muda *hollywood* secara improvisasi bagi maksud dan tujuan tertentu. *Theatre Games* adalah sebuah pendekatan pembelajaran seni melalui permainan yang diciptakan untuk mempelajari bidang teater secara individu dan berkumpulan. Proses teater di sekolah biasanya sangat terbatas dengan waktu yang tersedia. Oleh itu, teater telah diungkapkan kepada pendekatan *Theatre Games* yang lebih ringkas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.0 Kajian Literatur

Bab ini menjelaskan beberapa konsep yang digunakan bagi mengukuhkan lagi kajian yang dijalankan berdasarkan kajian terdahulu yang telah di dijalankan sebelum ini, terutamanya bagi menyokong pendapat yang telah dibincangkan bagi meliputi pembelajaran bersepadu Pendidikan Seni Visual di sekolah menengah berdasarkan objektif kajian iaitu, melihat dari segi kesesuaian pendekatan integrasi Pembelajaran Abad ke-21 KSSM untuk subjek PSV dan kaedah pembelajaran bersepadu Pendidikan Seni Visual sekolah menengah, bagi menghasilkan model pembelajaran dan pemudahcaraan Pendidikan Seni Visual sekolah menengah untuk Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian tentang *Theatre Games* amat terhad bagi bidang Pendidikan Seni Visual tetapi telah digunakan dalam bidang lain seperti Bahasa Melayu, Sejarah, Matematik dan Sains. Kajian ini sangat terbatas untuk Pendidikan Seni Visual murid sekolah menengah. Penyelidik ingin mengetengahkan kesesuaian Pembelajaran Abad ke-21 KSSM dalam PSV dan kaedah pembelajaran bersepadu dalam Pendidikan Seni Visual sekolah menengah bagi menghasilkan model pengajaran dan pembelajaran. Pembelajaran bersepadu ini akan melibatkan proses kognitif, psikomotor dan efektif murid bagi mewujudkan suasana pembelajaran aktif.

2.1 Konsep Pembelajaran Bersepadu

Idea integrasi kurikulum dilahirkan pada awal abad ke-20 sebagai alternatif kepada pendekatan disiplin, dan ia telah menerima perhatian yang semakin meningkat dalam kesusasteraan pendidikan selama tiga dekad yang lalu (Afredo Bautista, 2015. Etim, 2005). Integrasi kurikulum boleh ditakrifkan sebagai pendekatan pedagogi yang berpusatkan murid dan memberi tumpuan kepada tema yang dianjurkan di sekitar masalah kehidupan sebenar dan masalah yang ditimbulkan dari beberapa bidang subjek.

Definisi pembelajaran bersepadu ini menunjukkan dua aspek utama integrasi kurikulum sebagai pendekatan pedagogi. Pertama, pusat pada murid dan bukan disiplin. Oleh hal demikian, para ilmuwan berpendapat bahawa integrasi kurikulum adalah penting dalam mencapai matlamat pendidikan holistik. Menurut Miller (2007) bahawa murid mendapati identiti dan tujuan mereka sendiri dalam kehidupan menerusi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

meneroka minat dan minat mereka. Kedua, menurut Parsons (2004) idea berfokus pada murid bukan pada disiplin yang mereka anggap sebagai kepunyaannya.

Menurut Ken Gnanakan (2013) telah menyatakan bahawa integrasi berasal dari perkataan Latin "integer" yang bermaksud keseluruhan. Istilah ini telah menjadi sebahagian daripada percakapan dan pelbagai disiplin dalam pendidikan. Integrasi juga merujuk kepada hubung kait hubungan antara unsur-unsur konstituen agar makna sebenar diterokai dalam pendidikan. Integrasi berkaitan dengan bagaimana pelbagai komponen institusi subjek, guru, kelas, murid dan kehidupan sebenar diwujudkan bersama. Menurut Trianto (2007) telah mendefinisikan pembelajaran bersepadu sebagai:

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah ptbupsi

> *"Integrated learning occurs when an authentic event or exploration of a topic the driving force in the curriculum. By participating in the event/topic exploration, student learn both the processes and content relating, to more than curriculum area at the same time"*

Pembelajaran bersepadu menjadi kajian yang menarik dan banyak telah dibahas dan dikaji oleh berbagai penyelidik di bidang pendidikan (Gnanakan; 2013, Leonard, 2012, Kysilka, 1998). Menurut Misbahul Huda (2016) bahawa *Integrated Learning Models* adalah model pembelajaran yang digunakan dalam aktiviti pembelajaran dengan mengintegrasikan aktiviti pembelajaran ke dalam semua bidang pengembangan, meliputi aspek kognitif, sosial-emosional, bahasa, moral, dan nilai-nilai agama, fizik dan seni.

Menurut Misbahul Huda (2016) telah menyatakan bahawa pembelajaran bersepadu merupakan suatu konsep pendekatan pembelajaran yang melibatkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

beberapa mata pelajaran untuk memberi pendedahan dan pengalaman kepada murid. Pembelajaran bersepadu ini sebagai pendekatan latihan secara berorientasi mengikut kesesuaian penerimaan murid. Pembelajaran bersepadu secara efektif dapat membantu murid berfikir secara rasional dalam memahami masalah dan mempunyai pandangan terhadap sesuatu perkara, iaitu murid dapat mengidentifikasikan, mengumpulkan, menilai dan menggunakan maklumat secara efisien.

Teori pembelajaran bersepadu berdasarkan lima idea utama antaranya yang pertama ialah pembelajaran dilihat sebagai menggambarkan proses membuat keputusan secara berterusan tentang penglibatan dengan cabaran yang diambil bagi menyelesaikan masalah. Kedua ialah proses membuat keputusan ini adalah lebih kepada analisis dan manfaat yang diterima oleh murid. Ketiga ialah pembelajaran bukanlah aktiviti homogen, dan tidak ada satu cara pembelajaran yang terbaik. Sebaliknya murid harus dilihat sebagai rancangan strategi pembelajaran dan proses pembelajaran murid dilihat pada pemahaman dan kadar penerimaan baik serta suasana yang kondusif dengan persekitaran pembelajaran.

Idea keempat adalah bagi meningkatkan kecekapan murid memerlukan rancangan strategi ketahanan. Pembelajaran yang baik mencerminkan bahawa tidak ada ketahanan dan penghindaran yang lengkap tetapi kemampuan untuk membuat pilihan tentang bila dan bagaimana untuk belajar atau mempertahankan dan berfungsi untuk meningkatkan minat murid sendiri. Kesimpulannya ialah pembelajaran murid terbantut apabila tiada usaha berterusan dalam mewujudkan strategi baharu untuk menarik minat murid. Kelima, risiko dan pencapaian dalam keseimbangan keputusan pembelajaran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

murid, adalah diri mereka sendiri yang disokong oleh pelbagai perspektif yang merupakan pengalaman dan pembelajaran tidak formal.

Menurut Ken Gnanakan (2013) kursus bersepadu akan menjadi aspek kurikulum dan aspek kokurikulum yang saling berkaitan. Keputusan guru menjadi jauh lebih mudah dilihat dan lebih tepat diukur. Kurikulum yang bersifat integrasi dan pengalaman pembelajaran yang dirancang dengan tepat, bukan hanya menyediakan murid dengan pandangan yang mendalam tentang apa murid pelajari tetapi ia bersifat bersepadu dan membangunkan model yang lebih baharu kepada murid untuk menggunakan pembelajaran iaitu model dan sistem. Semua yang dipelajari menjadi alat untuk meneruskan pembelajaran dan integrasi ke dalam kehidupan sebenar.

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah ptbupsi

Menurut Dressel (1958) menyatakan bahawa dalam kurikulum bersepadu, pengalaman yang dirancang tidak hanya menyediakan murid dengan pandangan yang tidak jelas mengenai pengetahuan yang lazim (dengan mempelajari model, sistem, dan struktur budaya) tetapi juga motivasi dan membangunkan daya pembelajaran murid untuk memperlihatkan hubungan baru dan menjadi model baharu, sistem dan struktur.

Menurut Zakaria Ahmad (2003) telah menyatakan bahawa mata pelajaran Literasi Komputer telah diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan pada tahun 1996 sebagai salah satu langkah mengaplikasikan teknologi komputer dalam pendidikan. Kemantapan dan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran menggunakan teknologi maklumat bergantung pada keupayaan dan kebolehan yang ada pada guru dan murid yang terlibat (Abdul Wahab Ismail Gani, Kamaliah Hj. Siarap, Hasrina Mustafa, 2006). Murid yang terlibat secara aktif dalam pembelajaran menunjukkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kegembiraan dan minat dalam apa yang mereka lakukan (Jensen, 2001 dan Cindra L.Ross 2008).

Seni Persembahan adalah bentuk kegiatan kreatif yang dilakukan di depan penonton, seperti drama, muzik dan tarian (Oxford Dictionary, nd). Sehubungan itu, banyak penyelidikan didasarkan pada secara langsung, termasuk teater, orkestra dan genre. Seni Persembahan mengambil makna tertentu sebagai pembelajaran dalam seni. Seni persembahan adalah kaedah yang sangat baik untuk murid di sekolah, kerana drama, tarian, muzik adalah disiplin seni yang memberi pengalaman perkembangan peribadi dan sosial. Menurut Erion, P (1996) seni mempunyai peranan penting dalam memberi inspirasi dan meningkatkan Seni Persembahan dan PdPC persekitaran sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Bude Binda (2010) bahawa *Theatre Games* bukan pementasan teater atau drama, sebenarnya ia adalah sebuah permainan atau *game* seperti permainan yang lain hanya dilakukan saat berlatih teater atau di mana saja namun permainannya mengandungi unsur teater dan pertunjukan drama.

Menurut Shifra Schonmann (2007) telah menyatakan bahawa teater dalam pendidikan boleh menunjukkan kelemahan audien dalam menghargai teater drama pendidikan. Oleh hal demikian, ia melindungi tanggapan bahawa bagaimana pendidikan dapat menunjukkan audien menghargai pendidikan teater. Kenyataan ini telah disokong oleh Jackson (1993) penulis telah menceritakan perkembangan ini melalui program teater dalam pendidikan iaitu *Theatre in Education* (TIE). Audien selalu bertanya dalam *theatre in education* ‘adalah teater membuatkan pendidikan yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ditawarkan cetek pemikiran, hanya seketika dan tidak boleh dipercayai (Jackson, 1993, P.34). Menurut kenyataan Jackson (1995) lagi berpendapat bahawa rasional dan metodologi untuk teater forum adalah bagus untuk teater dalam pendidikan.

Menurut kenyataan Shifra Schonmann (2007) program pendidikan perlu menguatkan kekuatan bagi menampung kelemahan dalam sistem pembelajaran dan pemudahcaraan. Hal ini, dalam apresiasi kanak-kanak dari teater mereka memerlukan pengalaman praktikal yang menekan sifat simbolik prestasi teater dan mempunyai komponen seperti kata-kata, nada suara, ekspresi wajah dan badan, gerakan isyarat, memerlukan ruang untuk bermain dan pakaian.

Menurut kenyataan Shifra Schonmann (2011) menjelaskan pedagogi teater telah meluas terdiri daripada semua jenis karya teater dengan artis bukan profesional telah mewujudkan penyampaian pendidikan teater. Hal ini, pakar pedagogi teater telah mengembangkan pelbagai jenis modul dan model. Teater disampaikan melalui peringkat tertentu seperti mengenali, ekspresi, dan penciptaan watak.

Menurut Zainal Latif dalam *The Theatre in Education Programme* (1998 – 2004) pengenalan teater dalam pendidikan (TIE) ke Malaysia telah dipengaruhi oleh beberapa faktor populariti TIE di sekolah-sekolah di UK dan Australia, peningkatan kefahaman dalam kalangan organisasi bukan kerajaan di Malaysia mengenai bentuk alternatif kesedaran teater yang digunakan untuk tetapan baru (teater orang dan teater untuk perubahan sosial). Sebahagian daripada NGO aktivis Malaysia untuk mengambil perspektif yang lebih kritikal terhadap isu sosial yang tidak ditangani oleh sistem sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

TIE Malaysia meminjam pelbagai bentuk teater terpakai, yang mana isu-isu sosial (Teater Popular, Teater untuk Pembangunan, Teater yang ditindas) dan menggabungkan beberapa teknik penyertaan (Teater Berpusat, Teater Forum dan Teater Imej). Walaupun teknik-teknik itu telah dibangunkan di barat, bentuk dan kandungan telah disesuaikan dengan konteks sosial budaya dan keperluan tempatan.

TIE Malaysia cenderung untuk beroperasi dalam rangka kerja yang bersesuaian dengan umur, dan isu atau topik berorientasikan tema termasuk kepelbagaian budaya dan menghubungkan setiap individu. pembentukannya secara umum menggunakan medium teater sebagai sebuah kenderaan untuk mencapai objektif pendidikan dengan mengintegrasi isu sosial secara kritikal dengan niat untuk mengubah persepsi, sikap dan kelakuan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Projek TIE di Malaysia biasanya dibuat oleh fasilitator pelakon yang bekerja tertutup dengan pendidik dan pelanggan, seperti pentadbiran sekolah atau NGO. Topik atau isu ini diteliti oleh pengarah dan dramaturg bersama dengan fasilitator pelakon itu sendiri. Pasukan TIE (terdiri daripada seorang penulis dan pelakon) kemudian menafsirkan golongan muda mengeluarkan ketegangan dan konflik ke dalam drama fiksyen yang dicipta.

Teater ini membolehkan peserta untuk merasai pengalaman dan partisipasi dalam persembahan interaktif sebagai penonton dan pelakon. Apabila meminta penyertaan atau tindak balas daripada penonton, fasilitator pelakon yang terlatih mendapat pelbagai pandangan dari peserta, mempercayai keupayaan anak-anak untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

membuat alasan, mentafsir dan penyelesaian pembinaan. Ia mewujudkan platform yang selamat untuk khalayak untuk mengakses idea dan impuls mereka sendiri.

2.2 Ciri-Ciri Pembelajaran Bersepadu

Menurut Tim Pengembang PGSD (1977) telah menyatakan bahawa terdapat ciri-ciri pembelajaran bersepadu. Antaranya, berpusatkan kepada murid, memberikan pengalaman langsung kepada murid, penyampaian maklumat yang jelas kepada murid, menyediakan konsep dengan pelbagai pengajaran dalam proses pembelajaran dan bersikap fleksibel dengan pembelajaran bagi menarik minat dan mencapai objektif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Depdiknas (2004) pembelajaran bersepadu merupakan suatu sistem pembelajaran yang akan melibatkan murid secara individu dan berkumpulan dalam pembelajaran aktif bagi mencari dan menemukan konsep serta prinsip-prinsip secara holistik dan autentik. Menurut Leny Noviani (2010) pembelajaran bersepadu dapat memberi pengalaman kepada murid secara langsung dari segi penerimaan, mengingati dan menghasilkan kesan pembelajaran melalui aktiviti yang dipelajari.

Menurut kajian yang dijalankan Robin Fogarty (1991) telah menggambarkan sepuluh ciri dalam pembelajaran bersepadu yang relevan dalam pengajaran dan pembelajaran iaitu (*Fragmented, Connected, Nested, Sequenced, Shared, Webbed, Threaded, integrated, Immersed, networked)*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengajaran bersepadu adalah untuk mengintegrasikan pembelajaran dengan kehidupan yang sebenar untuk memaksimumkan pengalaman murid. Menurut Maria Montessori, seorang pendidik Itali, menunjukkan bahawa murid mampu mempelajari sesuatu perkara berdasarkan persekitaran yang betul. Menurut beliau lagi, murid banyak belajar secara langsung dari persekitaran berbanding mendengar guru bercakap dalam kelas.

2.3 Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM)

Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) adalah hasil daripada pembentukan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentafsiran (DSKP). Mata pelajaran Pendidikan Seni Visual adalah berstatus wajib bagi menengah rendah, manakala menengah atas menjadi mata pelajaran elektif. Berdasarkan laporan kajian Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia (2016), mata pelajaran Pendidikan Seni Visual merupakan satu strategi untuk melahirkan murid yang berupaya mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta secara kreatif dan inovatif (KPM 2016).

Kurikulum Pendidikan Seni Visual KSSM yang diperuntukkan di sekolah menengah telah dirancang dengan baik selaras dengan tujuan dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Kurikulum mempunyai peranan dan sumbangan yang penting bagi perkembangan mutu pencapaian murid setiap di sekolah menengah. Kurikulum juga merupakan tunjung utama dalam pendidikan yang menentukan perkembangan aktiviti pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah atau di luar bilik darjah. Antara asas

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pembangunan kurikulum adalah kemahiran abad ke-21, hasil daripada kemahiran abad ke-21 akan melahirkan murid yang mempunyai pemikiran kritis, komunikasi, kolaborasi dan kreativiti. Justeru, kepentingan memupuk kemahiran abad ke-21 terhadap murid sememangnya penting dalam mencapai matlamat dan hasrat yang tercatat dalam PPPM 2015–2025. Kemahiran abad ke-21 adalah kemahiran pembelajaran yang diperlukan oleh murid untuk berdaya saing pada milenium baru.

Namun, sebagai nadi utama mendidik murid, guru memainkan peranan penting dalam memupuk kemahiran tersebut. Oleh hal demikian, guru perlu mempunyai ciri-ciri tertentu sebagai pendidik abad ke-21. Merujuk kepada Buletin Anjakan Transformasi Pendidikan Malaysia bil 5/2015 terdapat enam ciri Guru Abad ke-21 iaitu

a. Menguasai subjek iaitu kandungan kurikulum
b. Mahir dan berketerampilan dalam pedagogi
c. Memahami perkembangan murid dan menyayangi mereka
d. Memiliki kemahiran kaunseling
e. Menggunakan teknologi terkini

Pelaksanaan PdPC dalam bilik darjah abad ke-21 guru perlu mengusai kepakaran dan kompetensi dalam mengusai kandungan kurikulum merujuk kepada pengetahuan sedia ada guru, kemahiran dan pengalaman guru perlu digabungkan untuk membina satu PdPC yang terbaik kepada murid yang lebih berkesan (Abdul Halim Abdullah, 2017). Selain itu, guru mempunyai kemahiran dalam membuat perancangan program dalam menyokong dan membantu perkembangan murid seperti *Gallery Walk, Three Stray One Stay*, *Hot Seat* dan *Role Play*. Justeru, guru perlu mempunyai pendekatan yang menarik dan fleksibel dengan persekitaran. Sehubungan itu,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pembelajaran bersepadu dapat mengisi cabaran kemahiran abad ke-21 dalam pendidikan melalui strategi yang boleh meningkatkan keupayaan dan kemampuan amalan ke tahap kualiti yang lebih tinggi dan cemerlang.

Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) mewajibkan murid menengah rendah mempelajari mata pelajaran Pendidikan Seni Visual kerana seni dalam kehidupan sangat penting dari segi individu dan sosial. Seni dapat seimbangkan jasmani, emosi, intelek dan rohani manakala dari segi aspek sosial dapat mempengaruhi tingkah laku dan disiplin kerana nilai seni membentuk keperibadian murid (Falsafah Pendidikan Kebangsaan).

KSSM telah dilaksanakan berdasarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2025 telah dirangka dan dilancarkan pada 6 September 2013. Pelan ini tertumpu pada pembelajaran dan keberhasilan murid melalui enam ciri iaitu pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian, dan berdaya saing di peringkat global serta murid yang fleksibel bagi menghadapi cabaran abad ke-21. Pelaksanaan KSSM pada tahun 2017 mengambil kira hasrat PPPM yang melakar aspirasi murid bagi memenuhi keperluan negara. Pelaksanaan KSSM memastikan setiap murid akan dipupuk dengan etika dan kerohanian dalam diri sebagai persediaan untuk menghadapi masa hadapan (KPM 2016).

KSSM juga menggunakan empat tonggak pendidikan UNESCO, iaitu belajar untuk mengetahui (*learning to know*), belajar untuk bertindak (*learning to do*), belajar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

untuk hidup bersama (*learning to live together*) dan belajar untuk membentuk peribadi (*learning to be*) (Buku Penerangan KSSM).

Strategi pembelajaran dan pemudahcaraan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) menyarankan kepelbagaian strategi PdPC untuk menjadikan pembelajaran lebih menyeronokkan, berkesan dan sesuai dengan keperluan murid yang terdiri daripada pelbagai latar belakang dan kebolehan. Strategi PdPC merujuk kepada pengaplikasian pelbagai pendekatan, kaedah dan teknik. Kepelbagaian strategi PdPC ini membolehkan guru menyalurkan pengetahuan, meningkatkan kemahiran dan menerapkan nilai yang dihasratkan dalam kurikulum. Tujuannya adalah untuk melahirkan murid yang seimbang, kritis, kreatif dan inovatif (buku penerangan KSSM). Menurut Johnson (2006) menyatakan bahawa pengetahuan guru tentang konteks dapat membantu guru menyesuaikan pengetahuan pedagogi isi kandungannya agar pengajarannya dapat di terima oleh murid dalam bilik darjah.

Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) telah banyak memberi perkembangan dan transformasi dalam sistem pendidikan bagi mencapai standard pendidikan iaitu pertama, ekuiti dan kualiti untuk semua murid perlu diberi pendidikan yang sama dan berkualiti. Kedua, akauntabiliti terhadap pentadbir dan guru memastikan murid melepasi piawaian standard yang ditetapkan. Ketiga, skema dan piawai pengukuran bagi pengetahuan dan kemahiran diukur dengan jelas (Kementerian Pendidikan Malaysia).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Transformasi dalam pendidikan telah dilihat dalam pelbagai sudut bagi mencapai matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Berikut telah disenaraikan yang melibatkan transformasi dalam setiap sudut.



Rajah 1.2. Transformasi Kurikulum (KSSM, Kementerian Pendidikan Malaysia)

Berdasarkan jadual di atas, KSSM masih meneruskan usaha bagi menerapkan gabungan ilmu dan kemahiran yang seimbang dalam pedagogi pembelajaran bersepadu (KPM 2016). Kualiti guru dalam Pembelajaran dan Pemudahcara (PdPC) dengan asas pedagogi yang kukuh dalam pendekatan kemahiran abad ke-21 merupakan pencetus utama pencapaian murid ke arah kecemerlangan. Menurut Arniza Mokhtar (2018) telah menyatakan bahawa kualiti guru terutamanya dari segi aspek asas pedagogi yang kukuh untuk menerapkan kemahiran abad ke-21 dalam pengajaran merupakan penentu utama pencapaian murid ke arah kecemerlangan. Menurut Zamri (2016) menyatakan bahawa perubahan dalam sistem persekolahan abad ke-21 memerlukan guru seni mempunyai *multi-knowledge* dan pedagogi yang mantap, iaitu dengan melaksanakan kaedah PdPC

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang berpusatkan murid dengan pembelajaran bersepadu di dalam bilik darjah dan di luar bilik darjah.

2.4 Hubung Kait PSV dan KSSM

KSSM telah menyatakan bahawa terdapat empat komponen utama iaitu Standard Kandungan, Standard Pembelajaran, Cadangan Aktiviti dan Tahap Penguasaan. Salah satu daripada empat komponen telah menjelaskan Standard Kandungan mengadungi Persepsi Seni, Eksplorasi Seni, Ekspresi Seni dan Apresiasi Seni. Kurikulum PSV saling berkaitan dengan KSSM dalam sistem pelaksanaan PdPC di sekolah. Kandungan Standard Pembelajaran merangkumi bidang Sejarah dan Apresiasi Seni Visual, Bahasa Seni Visual dan Pemikiran Seni Visual. Kandungan bidang Sejarah dan Apresiasi Seni Visual iaitu Perkembangan Seni Visual di Malaysia. Oleh hal demikian, transformasi kurikulum telah dijelmakan dalam dokumen KSSM menengah rendah 1 dan 2, agar dapat melahirkan murid yang berupaya mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta secara kreatif dan inovatif seiring dengan kemahiran Abad ke-21 (KPM, KSSM Tingkatan 1). KSSM DSKP Pendidikan Seni Visual telah mengemukakan Elemen Merentas Kurikulum ialah nilai unsur tambah iaitu kreativiti dan inovasi dalam proses PdP. Kreativiti merujuk kebolehan murid menggunakan imaginasi bagi mengumpulkan, mencerna dan menjana idea atau mencipta sesuatu yang baharu manakala inovasi merujuk kepada pengolahan kreativiti melalui ubahsuai, membaiki dan mempraktikkan idea. Justeru, kreativiti dan inovasi saling bergading dan perlu untuk memastikan pembangunan modal insan yang mampu menghadapi cabaran abad ke-21. Sehubungan itu, komponen kreativiti dan inovasi terdiri daripada Elemen

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Merentas Kurikulum (EMK) perlu diintegrasikan dalam PdPC *Theatre Games* mata pelajaran Pendidikan Seni Visual.

2.5 Teori Perkembangan Model Pembelajaran Bersepadu

The Integrated Model (Model Bersepadu) ialah pembelajaran yang menggabungkan mata pelajaran lain dan subjek pengajaran dengan konsep dan sikap yang saling berhubung kait di dalam beberapa bidang pelajaran. Pendekatan yang digunakan adalah pendekatan bidang pelajaran.

Model pembelajaran bersepadu mempunyai akarnya dalam teori dan model progresif dalam pendidikan Johann Dewey, Montessori dan Loris Malaguzzi yang memperkenalkan pembelajaran berpusatkan dan pengalaman murid. Pembelajaran berpusatkan seni juga sejajar dengan keadilan sosial atau pedagogi responsif budaya yang telah dirumuskan oleh Paul Freire dan teori pendidikan Geneva Gay Mary Stone Hanley. Justeru, bagi menyediakan asas teori dan amalan, dapat membentuk asas dari pandangan yang luas dan komprehensif mengenai pendidikan yang dikenali sebagai Pendidikan Integratif. Pendidikan integratif menunjukkan sistem holistik pengetahuan dan pedagogi merangkumi bukan sahaja aspek intelektual dan akademik persekolahan tetapi juga aspek kebudayaan, fahaman dan emosi.

Ken Gnanakan (2013) ahli teori yang merumuskan Pendidikan integratif adalah Pembelajaran bersepadu ditakrifkan sebagai pendidikan yang menggalakkan pembelajaran dan pengajaran dalam cara yang tidak bersemangat yang merangkumi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengertian holisme, kerumitan, dan interkoneksi. Pendidikan integratif menolak penekanan yang sama terhadap pengetahuan yang dipancarkan. Sebaliknya mencadangkan bahawa pengetahuan dan makna dibina oleh murid melalui proses interaksi dengan bahan dalam konteks sosial dan fizikal. Pendidikan integratif untuk mempersoalkan jurang tradisional antara guru dan murid, dan menolak bahagian antara fisiologi, kognisi, dan emosi dalam proses pembelajaran. Selain itu, pendidikan integratif merangkumi epistemologi dan kaedah penyiasatan yang agak subjektif dan objektif.


Gnanakan telah membekalkan asas teori pendidikan integratif, Fink (2013) menyampaikan mengikut kategori. Antara komponen pertama adalah, integrasi menghubungkan idea-idea, pengalaman belajar dan alam kehidupan. Kedua, pengetahuan adalah memahami, mengingati maklumat dan idea. Ketiga, belajar bagaimana untuk belajar menjadi murid yang lebih baik, belajar bagaimana untuk mengkaji subjek dan rohani murid. Keempat, aplikasi memperoleh kemahiran dalam mengaplikasikan pengetahuan dan pengurusan projek, dan membangunkan kemahiran dalam pemikiran kritis, kreatif dan praktikal. Kelima, dimensi manusia adalah belajar tentang diri sendiri dan lain-lain. Keenam, tumpuan terhadap perkembangan empati yang baharu, minat dan nilai.

Menurut Afi Fi dan Alamri (2014), teori pendidikan terbahagi kepada tiga bahagian dalam PdPC, bagaimana untuk mengajar murid menggunakan teori pengajaran (kognitif, tingkah laku dan konstruktivisme) adalah asas bagi bidang reka bentuk pengajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Robin Forgarty menyatakan terdapat 10 Model Pembelajaran bersepadu yang telah digambarkan dan disenaraikan iaitu, *Fragmented, Connected, Nested, Sequenced, Shared, Webbed, Threaded, Integrated, Immerse, and networked.*




Rajah 1.3. Fogarty, R. (1991). *Ten ways to integrate curriculum*. *Educational leadership*, *49*(2), 61-65.

Berdasarkan rajah di atas kajian ini berfokus kepada *integrated* sebagai penggunaan model. Model pembelajaran bersepadu melihat kurikulum melalui topik *interdisipliner kaleidoskop* disusun semula melalui konsep tumpang tindih dan corak serta reka bentuk. Pendekatan disiplin model ini menggabungkan empat disiplin utama iaitu mencari, kemahiran, konsep, dan sikap, seperti dalam model yang dikongsi, integrasi adalah hasil daripada idea yang berkaitan dengan kandungan subjek. Penyepaduan integrasi dari gabungan bidang tertentu dalam pembelajaran menghasilkan bentuk pencapaian ketara dengan konvensional.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 1.4. Model *Integrated Learning.* Bryan Easley (2016) Model *Integrated Learning*

Menurut Bryan Easley (2016) model ini menekankan bahawa pembelajaran terbaik berlaku di mana ketiga-tiga bertemu. Model *Integrated Learning* adalah berlandaskan 3 perkara iaitu akademik, latihan dan pengalaman, dan rohani murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Akademik adalah lebih daripada sekadar kognitif dan proses pemikiran mental yang terlibat dalam pembelajaran. Ia berkaitan dengan data objektif, penyelidikan, maklumat, "kandungan mentah" di sekitar pembelajaran dan amalan. Ia menekankan bahawa pembelajaran, kepercayaan, dan amalan sepatutnya menjadi lebih daripada keutamaan atau kecenderungan diri sendiri. Justeru, pembelajaran mestilah lebih daripada pengakuan subjektif atau pengalaman.

Latihan dan pengalaman adalah lebih daripada sekadar tingkah laku atau tindakan. Ia menumpukan perhatian kepada kemahiran, sistem, proses, dan persekitaran yang mewujudkan suasana pembelajaran, kehidupan dalam memahami atau menilai pengalaman sendiri dalam persekitaran. Ia menegaskan bahawa pengetahuan dan pembelajaran harus bermanfaat kepada pemikiran akhir yang sesuai dan melawan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

utilitarianisme atau fungsionalisme sebagai falsafah pendidikan asas dalam kaedah dan strategi pengajaran.

Aspek rohani lebih menjurus kepada nilai yang berharga atau emosi. Ia menekankan peranan pandangan dunia dan sistem nilai sebagai lensa asas bagi pembelajaran dan tingkah laku sering berhubung kait. Ia menangani aspek etika yang mendasari tentang sifat betul atau salah dalam usaha intelektual dan tingkah laku murid.

Model integrated learning menekankan kepada tiga komponen selepas di integrasikan iaitu *analysis*, *self-reflection* dan *critical evaluation*. *Analysis* adalah menekankan kepada murid menilai idea, pengetahuan, amalan atau pengalaman untuk kebolehgunaan ketepatan, kegunaan, dan pemahaman. *Self-reflection* adalah kecerdasan emosi, sifat kepimpinan, dan kematangan rohani. Manakala, *Critical evaluation* adalah mentafsirkan fakta dan idea melalui sebuah buku dan pandangan, buku sebagai sumber mendapatkan pengetahuan, membezakan Sumber benar atau tidak.

2.6 Teori Integrated Learning (Pembelajaran Bersepadu)


Teori Pembelajaran Bersepadu menunjukkan bahawa struktur mental yang dipraktikkan oleh murid dijangka menjadi lebih kuat apabila mengetahui bahawa sesuatu, mengetahui bagaimana, dan mengetahui bahawa disepadukan dengan emosi dan niat murid. Struktur mental keseluruhan yang berkaitan dengannya dijangka kurang terdedah kepada melupakan. Teori Pembelajaran bersepadu ini telah dibina oleh John

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dewey, Charles Sanders Peirce, Maria Montessori, Elizabeth Steiner, George Maccia, Stanley Greenspan, Kenneth Thompson, Myrna Estep, Eric Kandel, David Merrill, dan Jeroen van Merrienboer (Thedore W.Frick, 2017).

Menurut Thedore W.Frick (2017) bahawa Pembelajaran bersepadu dapat membantu murid mengintegrasikan sembilan jenis kognitif dengan emosi dan niat iaitu *recognitive, acquaintive, appreciative, protocolic, adaptive, creative, instantial, relational,* dan *criterial.* Teori pembelajaran bersepadu tidak menetapkan kaedah pengajaran khusus atau latihan sebaliknya ia menyediakan satu set prinsip yang boleh digunakan untuk menilai kurikulum.




Rajah 1.5. Teori *Integrated Learning* (2017). *Venn diagram representation of kinds of learning and education (graphic design by* Colin Gray and Ted Frick)

Menurut Theodore W.Frick (2017) *education* tidak sama dengan pembelajaran tetapi *education* adalah subset dari semua pembelajaran. pembelajaran boleh berlaku tanpa bimbingan, contohnya tanpa adanya pengajaran. Menurut Steiner (1988) Pembelajaran mesti ada kedua-dua iaitu *guided* dan *intended.* Walau bagaimanapun,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tidak semua *education* berkesan atau *worthwhile,* sesetengah *education* boleh menjadi tidak berkesan dan sesetengah *education* menjadi sangat berkesan tetapi tidak *worthwhile*.



Rajah 1.6. Discovery learning: intended but unguided. Theodore W.Frick (2017)


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Bruner (2017) menyatakan *discovery learning* adalah *inquiry base instruction*. konsep discovery learning adalah inquiry based dan teori pembelajaran konstruktivisme mengambil tempat sebagai dalam penyelesaian masalah situasi di mana murid mengetahui pengalaman yang dilalui dan sebagai pengetahuan kepada fakta yang baharu serta perkara baharu yang akan dipelajari. Murid lebih kepada berinteraksi dengan dunia luar sebagai meneroka dan memanipulasi objek, masalah dengan soalan dan kontroversi atau melakukan eksperimen. Kesimpulannya, murid lebih cenderung untuk mengingati konsep dan pengetahuan yang ditemui sendiri. Menurut Brunner (1961) bahawa teori ini sering dengan teori Jean Piaget dan Seymour Papert. Menurut Brunner (2009) menyatakan bahawa teori *discovery learning* bagi menggalakkan penglibatan aktif murid dalam pembelajaran, menggalakkan motivasi, menggalakkan autonomi, tanggungjawab dan kebebasan, mengembangkan kreativiti

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan menyelesaikan masalah kemahiran murid dan mengembangkan bakat pengalaman pembelajaran.




Rajah 1.7. Disciplined inquiry (reseacrh): discovery learning that is regulated by criteria. Theodore W.Frick (2017)

Menurut Manitoba (2003) menyatakan *disciplined inquiry* adalah satu asas pengajaran dalam bilik darjah yang mempunyai pelbagai aras. Pembelajaran berdasarkan *inquiry* dalam bilik darjah, perkembangan murid wujud secara semula jadi mengikut soalan pertanyaan murid. Semangat ingin tahu murid boleh merujuk kepada carian buku di perpustakaan dan carian internet secara mendalam. Persekitaran bilik darjah yang *inquiry* melibatkan murid kepada mengintegrasikan proses dan kandungan dari semua disiplin serta memupuk pembelajaran yang berorientasikan murid.


Proses *inquiry* adalah bermaksud mengintegrasikan kurikulum dan secara menyeluruh pembelajaran multi-disciplinary, pelbagai pembelajaran yang sesuai dengan tugas untuk murid yang berbeza tahap perkembangannya, peranan aktif adalah untuk murid berkongsi dalam tanggungjawab dan meningkatkan perkembangan murid dalam kemahiran belajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 1.8. Compelled learning: guided but inintended. Theodore W.Frick (2017)



Rajah 1.9. Induced learning: guided but initially-unintended. Theodore W.Frick (2017)

2.6.1 Pendekatan Maria Montessori dalam Pendekatan Pembelajaran

Menurut Jasmania Milikovic (2010) bahawa Maria Montessori telah membangunkan pendekatan yang mencabar intelektual dan motivasi. Justeru, ia membangunkan yang kreatif, fleksibel, sahih dan konstruktif. Kajian ini lebih fokus kepada pendekatan teori

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang akan digunakan dalam pembelajaran bersepadu berasaskan *Theatre Games*. Kaedah dan pendekatan perlu diserasikan dengan elemen kajian bagi membangunkan model. Kaedah Montessori mempunyai keupayaan untuk menjadi asas untuk pendekatan sekolah integrated.

Kaedah Pendekatan Maria Montessori dan pembelajaran bersepadu menjadi idea asas dalam pembelajaran. Pertama, pengetahuan itu dibina secara sosial dan perkembangan proses pemikiran serta pengetahuan berlaku dalam persekitaran sosial. Kedua, proses dibentuk oleh budaya dan berkembang serta berubah dalam interaksi berlainan individu.

Kurikulum bersepadu, Konteks (realistik) yang menyediakan peluang untuk pengalaman pembelajaran yang diperluas dan membuat penyambungan dan pemindahan pengetahuan. Menurut Milinkovic (2009) menyatakan bahawa permasalahan yang jelas menyebabkan murid dapat mengenal pasti masalah dan berfikir secara kreatif dan kritis untuk menyelesaikan. Menurut Milinkovic (2009) menjelaskan bahawa tujuan objektif utama dalam pendekatan bersepadu adalah membangunkan kemudahan secara menyeluruh pendekatan kepada masalah, kepaduan dan hubungan pada fungsi pengetahuan.

Pendekatan Montessori menegaskan bahawa persekitaran yang baik dan menyenangkan, 1) *Accessbility*, 2) *Freedom of movement and choice,* 3) *Self responsibility*, 4) *Realistic/natural ambience for learning*, 5) *Beauty and harmony*. Maria Montessori percaya bahawa kebebasan bergerak dan pilihan aktiviti bebas menjadi semangat dalam pembelajaran. Walau bagaimanapun, murid memerlukan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pembelajaran secara kumpulan dan perlu diteliti kerana lebih menyukai bekerja kumpulan atau ramai-ramai daripada secara individu. Tahap Montessori mewujudkan pembelajaran bersepadu ke arah penyelesaian masalah sebenar dan spontan dalam kehidupan. Guru yang mengajar berpotensi pengalaman dari konkrit bertindak terhadap pemahaman konseptual.

2.7 Pembelajaran Bersepadu Berasaskan *Theatre Games*

Theatre Games adalah kaedah pembelajaran teater yang menyeronokkan dan telah diperkenalkan oleh Viola Spoil semasa beliau bekerja dengan murid pada tahun 1924 ketika masih belajar di Neva Boyd's *Scholl of Creative Drama* dan berterusan menjadi *supervisor* drama di Chicago. Tahun 1946 iaitu Young Actors Company di *Hollywood* menggunakan permainan untuk melatih murid dalam produksi drama formal. Model *problem-solving* berdasarkan struktur dan pola games yang membolehkan murid mencungkil bakat dalam teater secara langsung. Murid melakukan kaedah (*learning by doing*), iaitu pengalaman secara spontan dan bukan dirancang. Menurut Spolin (1986) pengalaman tersebut tercipta melalui *action,* spontan, komunikasi, dan kreativiti individu dalam kumpulan.

2.7.1 Ciri-Ciri *Theatre Games*

Menurut Spolin (1986) bahawa terdapat tiga perkara yang perlu dilakukan semasa proses *Theatre Games* berlangsung iaitu, fokus, bimbingan langsung, dan penilaian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Fokus ini perlu teliti pada pemusatan tenaga dan perasan secara keseluruhan ketika proses berlangsung. Setiap permainan memiliki peraturan daripada guru supaya penglibatan murid berlaku secara holistik dan analitik. Penilaian ini lebih kepada refleksi kepada pengajaran *Theatre Games* yang telah dijalankan bagi memperbaiki kekurangan.

Semua elemen *Theatre Games* termasuk gerak, persepsi dan ekspresi, unsur drama, kerjasama kumpulan dan kreativiti dapat diajarkan dalam bentuk permainan. Dengan kerjasama murid hasil *role play* dan kolaborasi dapat diwujudkan dengan kreativiti yang meliputi drama, spontan, dan *improvisation.* Kaedah *Theatre Games* digunakan kepada murid bagi menarik minat melalui permainan sehingga menyeronokkan dan murid merasakan pembelajaran dapat di terima secara tidak langsung.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.8 Kajian Lampau

Menurut Salvatore. J (2014) menyatakan bahawa pendidikan teater murid dapat menyatakan banyak perkara penting yang telah dipelajari dan bagaimana cara murid belajar. sehubungan itu, hasil pembelajaran murid dapat diukur melalui ujian seperti refleksi. Sebaliknya, murid dapat menyatakan setiap konsep dan teknik dalam ujian lisan atau secara bertulis kepada murid. Hasil daripada ujian beberapa murid boleh menyatakan dan menggunakan konsep dan teknik tetapi gagal untuk memahami sepenuhnya dan memerlukan bantuan guru sebagai fasilitator. Menurut Salvatore. J

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(2014) lagi menyatakan murid yang gagal menguasai amalan pembelajaran adalah kegagalan guru kepada murid dalam penyampaian.

Menurut Salvatore. J (2014) bahawa penilaian murid adalah penting untuk pengalaman yang berbeza dan kritikal kepada pengalaman pembelajaran yang sebenar dalam bilik darjah pendidikan teater. Justeru, ia menggambarkan penguasaan bidang subjek dan murid mengaplikasikan pemahaman mengenai konsep dan teknik secara praktikal.

Menurut Lobman. C (2015) menyatakan bahan bantu mengajar yang baharu dan kreatif, dokumentasi dan watak yang diwujudkan murid adalah peranan guru menghasilkan suasana yang dramatik untuk pembelajaran. Menurut Lobman. C (2015) menyatakan bahawa Jones dan Reynolds (2011) telah memperluaskan peranan guru untuk mengembangkan teknik dan penglibatan murid serta fokus baru terhadap penilaian keperluan murid dalam bilik darjah.

Menurut McDougall (2011) telah menyatakan bahawa penyelidikan lepas membuktikan bahawa murid mempelajari subjek Pendidikan Seni Visual adalah satu pendekatan yang unik untuk mengetahui dan memahami dunia pada hadapan. Justeru, bahasa seni visual yang berbeza membolehkan murid-murid pada usia muda mudah untuk meneroka, berimaginasi dan mencipta apa yang mereka faham. Oleh itu, menurut Horon (2009) bahawa seni banyak menyumbang kepada pendidikan yang mencapai nilai intrinsik sebagai bentuk pemikiran langsung.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Nunan (2009) bahawa sudah bertahun-tahun Pendidikan Seni Visual telah menunjukkan kesan yang dominan kepada perkembangan murid-murid. Menurut beliau lagi pendidikan banyak menekankan pada integrasi Pendidikan Seni Visual dengan mata pelajaran lain seperti Matematik, Sains, Geografi dan Sejarah. Menurut Alberts (2010) telah menyatakan PSV dan sains saling berkait antara satu sama lain dan dapat disepadukan secara penerokaan baru. Pembelajaran Pendidikan Seni Visual meningkatkan keupayaan murid untuk memahami dan mencapai pengetahuan. Oleh itu, integrasi Pendidikan Seni Visual dan sains menyumbang pelbagai makna dalam pendidikan.

Di samping itu, terdapat banyak kajian telah dijalankan mengenai pengajaran dan pembelajaran secara integrasi Pendidikan Seni Visual di sekolah untuk kebaikan murid. Menurut Al-Amri (2011) telah menyatakan bahawa ahli Jawatankuasa Penasihat Antarabangsa bagi pendidikan Kesenian, UNESCO telah menyebut bahawa *trend* Pendidikan Seni Visual sentiasa berubah arah disebabkan oleh beberapa faktor. Antara faktor adalah termasuk dasar kebangsaan atau sekolah, mengikut hasil kajian yang dijalankan oleh para pendidik berpengalaman. Beliau percaya bahawa Pendidikan Seni Visual perlu menjadi lebih komprehensif bagi menggalakkan perkembangan murid dalam kreativiti.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.9 Kajian Tinjauan

Menurut Dr. Sariah Binti Jalil dalam buku penerangan KSSM menyatakan bahawa tiga standard yang perlu dicapai oleh murid ialah Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi yang disediakan bagi setiap peringkat. Hal ini, KSSM menyarankan guru perlu mempelbagaikan strategi PdPC untuk menjadikan pembelajaran menjadi lebih menyeronokkan, berkesan dan sesuai dengan keperluan murid yang mempunyai pelbagai latar belakang dan kebolehan bakat masing-masing. Strategi PdPC adalah merujuk kepada pengaplikasian pelbagai pendekatan, kaedah dan teknik yang digunakan dalam bilik darjah dan luar. Kepelbagaian strategi PdPC membolehkan guru menyalurkan atau menyampaikan maklumat pengetahuan, meningkatkan kemahiran dan menerapkan nilai yang terkandung dalam kurikulum. Tujuan strategi pembelajaran dan pemudahcaraan adalah untuk melahirkan murid yang seimbang, kritis, kreatif dan inovatif.

Antara strategi pembelajaran dan pemudahcaraan yang terkandung dalam buku penerangan Kurikulum Standard Sekolah Menengah adalah Didik Hibur yang lebih berpusatkan murid, bersepadu, menyeronokkan dan lebih menekankan perkembangan kemahiran berfikir serta kemahiran insaniah.

Pendekatan Didik Hibur adalah bermaksud mendidik sambil menghibur dalam sesi pembelajaran. Sehubungan itu, Didik Hibur bersifat santai dan menyeronokkan murid dalam kawalan guru. Pendekatan ini dapat memberi peluang kepada murid-murid untuk belajar dalam keadaan yang menyeronokkan dan tidak tertekan. Guru Pendidikan Seni Visual perlu kreatif menggunakan pelbagai jenis aktiviti yang menarik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan bermakna seperti penyelesaian masalah, kerja projek, berlakon, simulasi, gerakan badan dan nyanyian. Guru yang menggunakan pendekatan *Theatre Games* tidak boleh fokus pada permainan sepenuhnya supaya tiada unsur menang, kalah ganjaran atau dendaan semasa PdPC mengikut Buku Penerangan Kurikulum Standard Sekolah Menengah. Pendekatan Didik Hibur juga boleh dilakukan dalam aktiviti kumpulan atau berpasangan untuk mewujudkan semangat kerja berpasukan, kerjasama dan toleransi serta murid bebas bersuara bagi mengeluarkan pendapat dan idea sendiri.

Pendekatan Didik Hibur banyak memberi faedah kepada murid untuk mengurangkan tahap kebimbangan dan ketakutan murid kepada guru, justeru murid sentiasa berada dalam keadaan pembelajaran yang positif dan tertunggu-tunggu untuk sesi pembelajaran yang seterusnya. Pendekatan ini juga memberi peluang kepada murid mengembangkan potensi intelek, jasmani, emosi dan sosial.

Guru boleh melaksanakan pendekatan Didik Hibur berdasarkan Buku Penerangan KSSM iaitu guru perlu memilih aktiviti yang sesuai untuk mencapai objektif pembelajaran, guru atau fasilitator perlu memberi penerangan tujuan aktiviti supaya tiada kekeliruan dalam aktiviti dengan menunjukkan cara dan kaedah menjalankan aktiviti. Di samping itu, guru sentiasa membimbing dan mengawasi murid semasa aktiviti dan di akhir pembelajaran terdapat refleksi atau rumusan selepas aktiviti.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.0 Metodologi Kajian

Bab ini akan menjelaskan aspek-aspek reka bentuk kajian, kaedah kajian penyelidikan, jadual matrik pengumpulan data, teknik pengumpulan data, dan kaedah analisis. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti konsep dan kaedah untuk penghasilan model yang bersesuaian dengan pembelajaran bersepadu dalam Pendidikan Seni Visual di sekolah menengah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.1 Reka Bentuk Kajian

Kaedah yang akan digunakan dalam kajian ini adalah kaedah penyelidikan kualitatif. Kaedah penyelidikan kualitatif dipilih kerana berdasarkan masalah kajian yang telah diperjelaskan secara holistik. Data dan maklumat akan dikumpulkan dan diperjelaskan secara deskriptif melalui huraian maklumat berdasarkan fakta yang sahih. Penerangan yang sistematik mengenai fakta dan ciri-ciri sesuatu populasi yang tepat dan analisis data akan digunakan dalam memberi interpretasi dan pentaksiran.

Menurut Creswell (1998) kajian kualitatif merupakan proses *inquiry* untuk memahami sesuatu perkara berdasarkan sesuatu kaedah yang jelas dan biasa digunakan. Kaedah ini biasanya digunakan untuk menerokai masalah sosial dan kemanusiaan. Kaedah Kualitatif adalah penyelidikan yang bermatlamat untuk menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku atau menerokai sesuatu bidang yang belum dikaji (Mohd Majid Konteng, 1990).

Pendekatan ini dilaksanakan untuk penambahbaikan sesi PdPC dengan lebih menarik dan menyeronokkan semasa pembelajaran iaitu dengan teknologi semasa. Kaedah pengumpulan data penyelidikan ini mempunyai pelbagai kombinasi iaitu pemerhatian aktif, temu bual mendalam dan analisis maklumat perkembangan keseronokan murid dalam subjek Pendidikan Seni Visual dalam sesi pembelajaran. Cresswell (1998) menunjukkan bahawa pengumpulan data yang banyak daripada pelbagai sumber adalah penyelidikan tulang belakang dan membolehkan triangulasi atau penyebaran maklumat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini memilih metod penyelidikan secara kajian kualitatif dengan menggunakan kaedah kajian kes.

3.2 Kajian Kes

Menurut Stake (2000) kajian kes bukan merupakan pilihan ke atas metodologi tetapi pilihan ke atas apa yang hendak dikaji. Penyelidik akan mengkaji sesuatu kes dengan apa sahaja metod yang sesuai sama ada pendekatan kualitatif mahupun pendekatan kuantitatif (Othman Lebar, 2006).

Kajian kes boleh di definisikan daripada beberapa segi, antaranya daripada segi proses melaksanakan kajian sistem atau analisis atau segi produk (Meriam, 2001). Menurut (Stake, 1994, 1995) mendefinisikan kajian kes dari unit analisis yang merupakan kes yang dikaji:

> *"The case study is an integrated system. The case could be a child. It could be a classroom of children. An innovative program may be a case. All the school in Sweden can be a case… the case is specific, a complex, functioning thing"* (Othman Lebar, 2006, hal. 99).

Manakala Merriam (1988) pula mendefinisikan kajian dari segi produk:

> *"A qualitative case study ia an intensive, holistic description and analysis of a single instance, phenomenon, or social unit"* (Othman Lebar, 2006, hal. 99).

Menurut Meriam (2001) kajian kes boleh di fahami melalui ciri-ciri yang khusus, antaranya sebagai partikularistik, deskriptif dan heuristik. Kajian ini ke arah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menggunakan ciri heuristik bagi mengembangkan kesesuaian dan kaedah pengajaran dan pembelajaran abad ke-21. Heuristik bermaksud kajian kes meneliti pemahaman pembaca tentang apa yang dikaji dan membawa kepada makna baru dan meluaskan pengalaman pembaca. Sehubungan itu, menurut (Othman lebar, 2006 dan Stake, 1981) menyatakan membawa kajian yang belum dikaji dan tidak diketahui boleh jangka timbul dalam kajian kes yang membawa kepada pemikiran semula fenomena yang dikaji.

3.3 Proses Pengumpulan Data

Penyelidikan ini, beberapa prosedur dilakukan dalam memungut data

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

I. Lokasi Dijalankan

Penyelidik menjalankan kajian perbandingan lokasi iaitu negeri Perak, Selangor dan Johor. Kajian ini telah dipersetujui oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Penyelidik melaksanakan kajian ini hanya bertempat di Student Lounge Kolej Zaba di Universiti Pendidikan Sultan Idris yang menjadi lokasi bengkel pembelajaran bersepadu berasaskan *Theatre Games* kerana penyelidik tidak berfokus PdPC dalam kelas sahaja tetapi ia PdPC yang fleksibel dengan pelbagai persekitaran. Kajian ini melibatkan tiga buah sekolah yang dipilih penyelidik iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Azlan Shah di negeri Perak, Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Universiti di negeri Johor dan Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Bedena di negeri Selangor. Kesemua murid sekolah yang terpilih ini dijalankan bengkel bersepadu di lokasi yang sama.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

II. Individu Yang Diperhati dan Ditemu Bual

Proses pengumpulan data di lapangan yang melibatkan pemerhatian dan temu bual dalam kalangan ahli akademik Jabatan Pendidikan, Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) dan Guru Sekolah.

III. Jangka Masa Pengumpulan Data

Jangka masa pengumpulan data dengan metod pemerhatian langsung, temu bual yang mendalam terhadap responden yang telah dipilih yang bermula pada 27/10/2018 hingga 28/02/2019 dan di ikuti dengan bengkel yang berlangsung di *Student Lounge* Kolej Zaba.

IV. Dokumen

Penyelidik akan membuat penelitian terhadap dokumen-dokumen terdiri daripada borang pemarkahan penilaian oleh pihak sekolah (jika ada) dan, alat bantuan mengajar yang berkaitan dengan pendekatan *Theatre Games* PdPC PSV.

3.4 Proses Menjalankan Kajian

Proses kajian ini akan dibahagikan kepada Tujuh fasa.

- **Fasa Pertama**

Fasa pertama, penyelidik memohon surat kebenaran penyelidikan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan persetujuan daripada beberapa pihak berwajib iaitu Jabatan Pendidikan Negeri Perak (JPNP) dan sekolah yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

terlibat bagi memudahkan membuat perancangan kajian ini. Fasa ini juga memberikan ruang kepada penyelidik untuk membiasakan diri bagi menjalankan kajian dengan teliti dan membiasakan diri dengan suasana persekitaran lokasi kajian.

I. Memohon Kebenaran

Penyelidik telah memohon kebenaran daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan (BPPP), Kementerian Pelajaran Malaysia. Setelah memperoleh kebenaran daripada pihak kementerian, penyelidikan telah menggunakan surat tersebut untuk memohon kebenaran dari pihak Jabatan Pelajaran Negeri Perak dan diikuti dengan pihak Pejabat Pelajaran Daerah. Akhirnya, kesemua surat kebenaran tadi dipanjangkan kepada pihak sekolah bagi mendapatkan pengesahan dan kebenaran untuk menjalankan kajian. Manakala, sekolah di negeri Johor dan Selangor penyelidik menggunakan surat tawaran mengikuti bengkel pembelajaran bersepadu dengan kerjasama pihak Kolej Zaba.

II. Perancangan Kerja

objek buatan manusia dan Semula jadi. Penyelidik menggunakan *Games Word Ball* kepada murid supaya lebih memahami jenis-jenis jalinan. Hasil pemerhatian murid, di mana murid mula aktif dalam pembelajaran semasa permainan. Secara keseluruhannya murid aktif dan tidak pasif dalam bengkel pengajaran dapat dikesan. Majoriti murid fokus bermain dan memberi perhatian penuh kepada pengajaran kerana tidak mahu kalah dalam permainan. Murid dapat memahami isi pengajaran semasa bermain. Murid juga dapat mengenal dan mengingati jenis-jenis jalinan tampak dan jalinan sentuh. Sehubungan itu, hasil pemerhatian refleksi murid di akhir pembelajaran, penyelidik melihat murid dapat menyatakan isi pembelajaran dengan jelas dan seiring dengan objektif kajian rancangan pengajaran harian serta standard pembelajaran dapat dicapai dengan baik. Penyelidik juga bertanya kepada murid tentang corak permainan ini seronok atau tidak, murid menjelaskan bahawa permainan ini seronok sambil belajar dan mereka boleh mengenal jalinan dengan permainan tanpa perlu baca buku.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.1.6 Rancangan Pengajaran Harian (Ruang)

Hasil daripada pemerhatian pembelajaran dan pemudahcaraan murid sekolah daripada Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Universiti 1 di Johor Bahru yang telah datang ke Universiti Pendidikan Sultan Idris iaitu di Student Lounge Kolej Za'ba, Slot pembelajaran dan pemudahcaraan ini bermula pada jam 09.30 hingga 10.30 pagi selama 1 jam sahaja. Penyelidik mengajar tajuk ruang pada kepada murid bagi melihat tahap model pembelajaran dan pemudahcaraan ini sesuai atau tidak kepada murid. Penyelidik sendiri yang mengajar murid dalam bengkel ini bagi melihat tahap perkembangan murid terhadap model yang telah dihasilkan. Objektif pembelajaran bengkel ini adalah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

untuk mengenal pasti sejauh mana murid dapat mengenal pasti jenis-jenis ruang ilusi dan dieksploitasi dalam bentuk yang lebih kreatif. Pada awal pembelajaran hingga pembelajaran murid aktif dan penglibatan menyeluruh dan tiada murid pasif. Tambahan pula, murid suka dan pantas menjawab soalan guru yang di lontarkan. Murid suka dan ceria muka bila guru menyebut "pada hari kita akan bermain belajar sambil belajar dan tiada catatan nota". Pembelajaran ruang ini lebih kepada murid mengenal dan memahami jenis ruang dalam, ruang cetek dan ruang rata. Justeru itu, guru menggunakan kad indikator sebagai bahan bantu mengajar bagi memudahkan murid serta satu permainan pembahagian kumpulan berdasarkan kad yang telah diagihkan. Majoriti murid dapat mengenal jenis ruang hanya beberapa murid tidak mengetahui tetapi terus bertanya pada guru. Murid dibahagi tiga kumpulan bagi meneruskan permainan iaitu *ice breaking*. Penyelidik melihat penglibatan aktif murid dalam setiap permainan. Hasil daripada refleksi murid selepas pembelajaran dan pemudahcaraan, penyelidik melihat murid dapat menyatakan isi pembelajaran dengan jelas dan seiring dengan objektif kajian rancangan pengajaran harian serta standard pembelajaran dapat dicapai dengan baik oleh murid. Penyelidik juga bertanya kepada murid tentang corak permainan ini seronok atau tidak, murid kelaskan bahawa ini seronok sambil belajar dan mereka akan bermain pada waktu lapang dengan rakan-rakan.

4.3 Hasil Dapatan Bengkel Pembelajaran Bersepadu

Dapatan kajian bengkel pembelajaran bersepadu ini adalah hasil daripada penyelidik sendiri menjalankan pemerhatian turut serta (*participant observation*). Penyelidik banyak menggunakan pendekatan *role play* dan *teacher in role play* semasa *Theatre*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Games dilaksanakan. Gambar ini merupakan hasil daripada bengkel pembelajaran bersepadu yang telah dijalankan di *student lounge* Kolej Zaba mengikut *Theatre Games* yang berbeza. *Theatre Games* yang dimainkan mempunyai matlamat dan tujuan masing-masing agar objektif pembelajaran tercapai serta bukan sekadar keseronokan murid sahaja.



Gambar 1.1. Sumber Penyelidik *Theatre Games* : *Ice Breaking*

Theatre Games ini dikenali sebagai permainan *ice breaking* kerana wujud dalam kumpulan yang besar dan ramai iaitu dibahagi kepada dua kumpulan. Aktiviti ini adalah bertujuan meningkatkan tahap keyakinan murid dan cara murid berkomunikasi dalam kumpulan bagi menyelesaikan masalah dengan kerjasama.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Gambar 1.2 Sumber Penyelidik *Theatre Games* : Improvisasi

Penyelidik menunjukkan gaya cara membuat improvisasi secara spontan semasa pembelajaran bagi meningkatkan tahap keyakinan murid untuk lebih menonjolkan diri dan membiasakan diri dengan pembelajaran yang bercirikan *fun-learning*. *Improvisation* ini lebih kepada lisan dan pergerakan murid, bagaimana murid untuk mengatasi masalah apabila berhadapan dengan khalayak penonton di tempat yang berbeza seperti membentangkan hasil kerja dengan mempelbagaikan gaya persembahan dalam pembentangan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Gambar 1.3 Sumber Penyelidik *Theatre Games* : *Games Splat*

Penyelidik menggunakan pendekatan *Teacher in Role* dalam *Theatre Games* iaitu melalui *Games Splat*. Hasil *Games Splat* ini dalam pembelajaran bilik darjah murid lebih fokus dengan penyampaian guru dan arahan guru. Permainan ini dalam tajuk warna bagi murid mengenal pasti kategori warna dengan baik. Kecerdasan murid keutamaan dalam permainan ini agar murid terus bertenaga dalam pembelajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Gambar 1.4 Sumber Penyelidik *Theatre Games* : *Games Castel Straw*

Hasil pembelajaran bersepadu PSV berasakan *Theatre Games* melalui permainan *Straw Castle* atau *Tower Infinity* dalam bengkel pembelajaran bersepadu. Permain ini nampak mudah tetapi memerlukan pengurusan kumpulan strategi dalam pembahagian tugasan setiap ahli. Murid lebih ke arah pemikiran kritikal dalam menghasilkan karya dalam masa yang ditetapkan dan mengikut kriteria oleh guru. Permainan *Straw Castle* penyelidik lebih kepada *Role Play* dan menjadi fasilitator kepada murid.

4.4 Temu Bual

Sepanjang penyelidikan dilaksanakan, temu bual dijalankan selepas menjalankan instrumen pemerhatian terhadap murid semasa bengkel pengajaran dan pembelajaran bersepadu. Temu bual dilaksanakan terhadap Guru Pendidikan Seni Visual, Pensyarah IPTA dan Jabatan Pendidikan. Penyelidik memilih responden yang berlatar belakang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang berkaitan dengan teater atau *theatre games* bagi mendapatkan data relevan. Temu bual dilaksanakan bagi memudahkan penyelidik membuat penyelidikan dan mengumpul data bagi mengukuhkan data, menjawab objektif kajian, idea dan pendapat sampel yang ditemu bual. Temu bual yang dijalankan adalah temu bual secara semi berstruktur di mana penyelidik akan menyediakan soalan terlebih dahulu tetapi jawapan terhadap soalan adalah bebas dan boleh dikembangkan mengikut budi bicara penemu bual dan informan. Hasil temu bual telah dikumpul dan catat dalam bentuk transkrip.

4.4.1 Guru

Berdasarkan dapatan kajian, daripada guru Pendidikan Seni Visual telah menyatakan beberapa perkara semasa sesi temu bual. Hasil daripada data yang dikumpulkan didapati guru berpendapat bahawa pembelajaran dan pemudahcaraan yang diamalkan bagi menengah rendah mengikut konsep yang telah ditetapkan (TB15 ZBA, 28/12/2018). Pembelajaran Abad ke-21 perlu dipatuhi dan sesuai dengan subjek Pendidikan Seni Visual yang diajarkan dalam kelas. PdPC lebih kepada berasaskan murid dan guru sebagai pemudahcaraan dan pembimbing sahaja, Murid juga lebih mengusai pembelajaran dalam kelas terutama dalam berkumpulan (TB21 ZBA, 28/12/2018). Pembelajaran bersepadu dalam PSV murid memerlukan banyak konsep dari segi sumber dan teknologi dan hanya tidak terhad kepada asas dua dimensi sahaja (TB28 ZBA, 28/12/2018). Pembelajaran abad ke-21 yang diaplikasikan di sekolah banyak menekan murid belajar secara berkumpulan dengan menggunakan *information communication and technology* (ICT) dan *I-Think*. Hal ini, murid lebih kreatif dan lebih berkembang idea pemikiran. Murid lebih seronok bila guru menggunakan Pendekatan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Abad ke-21 dan guru perlu membuat kawalan kuat kerana murid menjadi lebih aktif dan tidak pasif. Pendekatan Guru PSV pada masa kini masih menggunakan demonstrasi daripada guru sebelum membuat aktiviti. Pendekatan Abad ke-21 juga memberi *output* yang baik untuk murid dalam penghasilan karya dan corak permainan *gallery walk* dapat memberi komen dan murid boleh mengeluarkan idea sendiri serta pandangan terhadap hasil kerja (TB82 ZBA, 28/12/2018). Menurut guru ini, pendekatan *Theatre Games* menjadikan pembelajaran itu lebih menarik yang menjadi satu tarikan untuk murid belajar dan guru kekangan masa untuk membahagikan masa ditetapkan. Justeru, minggu pertama pendekatan *Theatre Games* ini sesuai digunakan supaya murid lebih teruja untuk belajar subjek Pendidikan Seni Visual (TB102 ZBA, 28/12/2018).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.2 Pensyarah

Hasil daripada temu bual, penyelidik mendapati pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPC) menerapkan elemen *acting* (lakonan) bagi menarik murid (TB24 MFA, 09/01/2019). Di samping itu, menggunakan teknologi komunikasi untuk mengajar murid bagi alaf baru. Hal ini, guru menjadi fasilitator pembelajaran dalam kelas yang memberi autonomi kepada murid untuk belajar sendiri iaitu lebih kepada *learning style* berdasarkan kehendak murid (TB35 SM, 11/01/2019). Pembelajaran bersepadu adalah satu hubung jalin antara dua subjek dan satu subjek. Seni adalah satu teras dalam gabungan pendidikan alaf baharu yang menjadi tunjang membentuk murid kerana seni mempunyai estetika, keindahan, kreativiti, inovatif dan sensitiviti (TB32 ZA, 09/01/2019). Pembelajaran bersepadu boleh dilihat dalam *cooperative learning* digabungkan dengan keadaaan bilik darjah dan motivasi murid sendiri. Gabungan ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dapat mewujudkan murid yang lengkap yang mempunyai emosi, rohani, intelek dan jasmani (TB49 SM, 11/01/2019). *Role play* dan *teacher in role play* merupakan sebahagian daripada *Theatre Games* diaplikasikan semua subjek. *Theatre Games* ini boleh berlaku tidak kira peringkat usia, tiada klasifikasi *Theatre Games* untuk umur kecuali kandungan dalam teater yang menyentuh isu-isu sensitiviti. *Theatre Games* mengawal pemikiran murid dan membentuk satu disiplin dan juga penilaian terhadap aktiviti yang dijalankan kerana terhasil pembentukan watak, perkembangan watak, membina watak murid.

Permainan yang dijalankan mempunyai risiko positif (menang) dan negatif (kalah). Hal ini, *Theatre Games* memainkan peranan penting kerana subjek yang bosan dan susah boleh menjadi senang dan membatu murid (TB92 MFA, 09/01/2019). *Theatre Games* dari segi aspek teoritikal mewujudkan empat C iaitu *cooperative learning*, *collaborative learning*, *critical thinking* dan *creative* yang terdapat dalam falsafah pendidikan. Guru perlu melibatkan diri dalam permainan supaya murid dan guru mempunyai *chemistries* (TB162 SM, 11/01/2019). *Theatre Games* sangat sesuai digunakan dalam PdPC kerana ia membentuk kemahiran sosialisasi, kemahiran keyakinan diri, kemahiran komunikasi, tahap keyakinan murid dalam kelas yang menyatupadukan murid proaktif dan *slow learner*. Tambahan pula, permainan melibatkan kognitif, psikomotor dan efektif dapat membuang *gaps* murid untuk bersatu (TB57 ZA, 09/01/2019). Tahap penglibatan murid menjadi seratus peratus dalam pembelajaran, guru memainkan peranan yang penting sebagai pemudahcaraan dan menjadi fasilitator. Hal ini, guru tidak perlu mengajar seratus peratus dalam kelas dan murid tidak berasa bosan serta memberi kebebasan kepada murid untuk belajar sendiri (TB113 SM, 11/01/2019).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4.3 Jabatan Pendidikan

Hasil daripada temu bual, penyelidik mendapati pembelajaran bersepadu adalah gabungan subjek Pendidikan Seni Visual dengan subjek lain seperti Sains, Matematik dan lain-lain subjek. *Theatre Games* ini adalah pengenalan untuk guru mengajar murid lebih ke arah set induksi yang mempunyai permainan yang dimasukkan. Hal ini, murid berlakon lebih kepada vokal seperti improvisasi bagi menghilangkan rasa bosan (TB30 LH, 31/12/2018). *Theatre Games* ini lebih kepada *fun-learning* yang diterapkan adalah kombinasi yang sesuai dengan tajuk pembelajaran (TB39 LH, 31/12/2018). *Theatre Games* sangat sesuai digunakan dalam PdPC kerana tidak bosan dalam kelas dan murid akan lebih fokus serta berminat dalam pembelajaran. Tambahan pula, murid akan tertunggu untuk belajar tajuk yang baharu kerana konsep ini menceriakan murid serta murid tertarik kepada guru dan subjek PSV. Antara pendekatan seperti lakonan semula dan improvisasi yang selalu digunakan dalam *Theatre Games* (TB59 LH, 31/12/2018).

4.5 Dapatan Triangulasi Data

Hasil dapatan tematik triangulasi data ini daripada pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen yang telah penyelidik triangulasikan bagi mendapatkan data yang relevan dengan tiga instrumen yang telah dijalankan. Penyelidik meneliti data berdasarkan tema setelah dianalisis terdapat setiap data yang memiliki dapatan yang sama.

Antara hasil triangulasi ialah penyelidik mendapati murid dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan berdasarkan *Theatre Games* yang telah dilaksanakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

di *student lounges* Kolej Zaba. Tahap penglibatan murid boleh dilihat secara menyeluruh semasa pembelajaran dan pemudahcaraan apabila guru menerapkan permainan dalam pembelajaran. Justeru, pembelajaran secara berkumpulan atau pembelajaran secara kolaboratif dapat mengurangkan murid pasif dan meningkatkan tahap komunikasi murid semasa menyelesaikan tugasan permainan. Pembelajaran koperatif ini bersesuaian dengan murid pada masa kini yang menjadi *style learning* kepada mereka, menerusi aktiviti secara kumpulan dan pengalaman langsung pada abad ke-21. Menurut (Zakaria, Iksan 2007; Johnson, Johnson 2009) aktiviti berkumpulan didapati menepati ciri-ciri pembelajaran koperatif iaitu hubungan saling bergantung yang positif, akauntabiliti individu, interaksi bersemuka, berkemahiran sosial dan inter personel dan pengurusan kumpulan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Perkembangan murid dapat di wujudkan melalui *Theatre Games* dengan membina keyakinan diri murid dan membina sensitiviti murid ketika pembelajaran dan menangani masalah. Di samping itu, pembentukan disiplin murid dapat dilihat melalui peraturan games yang perlu diikuti, murid juga melatih diri dengan peraturan yang telah ditetapkan dalam permainan yang disediakan oleh guru. Hal ini, murid juga akan menerima risiko dalam setiap pembelajaran yang mempunyai aktiviti merangsang deria dengan persekitaran yang berbeza yang membina proses pemikiran dan kreativiti dalam setiap masalah.

Pembelajaran bersepadu adalah satu corak pembelajaran untuk murid belajar secara bebas dalam bilik darjah yang memberi keselesaan kepada mereka untuk mengekspresikan diri dalam suasana pembelajaran. Menurut Kesici (2008) guru memberi peluang kepada murid untuk menyuarakan soalan, pandangan dan pendapat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mereka. Manakala menurut Rajendran (2002) Guru mewujudkan persekitaran yang membuatkan murid berasa selesa untuk berkongsi idea, inovasi dan ekspresi diri.

Pendekatan *Theatre Games* merupakan motivasi kepada murid untuk terus bermain sambil belajar dalam pembelajaran, permainan adalah satu tarikan kepada murid untuk melibatkan diri dengan permain dan tidak secara langsung mereka melibatkan diri dalam pembelajaran yang aktif. Menurut Usher dan Kober (2012) menyatakan motivasi dianggap perkara utama yang harus dimiliki oleh murid bagi memastikan pembelajaran dapat berlaku. Hal ini, motivasi yang menggerakkan kesungguhan dan tindakan murid untuk belajar atau tidak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 5

KESIMPULAN DAN CADANGAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.0 Pengenalan

Tujuan utama penyelidikan ini dilaksanakan adalah untuk menjawab tiga persoalan kajian bagi mengenal pasti kesesuaian pendekatan dan kaedah pembelajaran bersepadu dalam Pendidikan Seni Visual dan menghasilkan model pembelajaran untuk meningkatkan pembelajaran dan kreativiti murid. Bab ini akan menjelaskan kesimpulan mengenai hasil penyelidikan yang telah dijalankan sepanjang pengajian berlangsung terhadap dapatan kajian serta cadangan yang dikemukakan dalam penyelidikan. Kajian ini dijalankan untuk mengetahui pendekatan baharu dalam proses pengajaran dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengajaran bersepadu dalam subjek Pendidikan Seni Visual yang berasaskan *Theatre Games* dan kaedah pembelajaran serta model pengajaran digunakan dalam PdPC.

Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif dengan menggunakan kaedah kajian kes dalam pengumpulan maklumat. Kaedah kajian kes ini digunakan secara menyeluruh dalam proses pengumpulan data iaitu menerusi temu bual dan pemerhatian. Analisis dokumen ialah hasil daripada kajian terdahulu dan kajian tinjauan melalui perpustakaan dan jurnal-jurnal berwasit. Kajian ini telah menggunakan sampel yang terdiri daripada murid sekolah Tingkatan Satu sahaja iaitu SMK Seri Bedena di negeri Selangor, SMK Sultan Azlan Shah di negeri Perak dan SMK Taman Universiti 1 di negeri Johor.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.1 Rumusan dan Kesimpulan

Bahagian ini membincangkan rumusan dan kesimpulan kajian daripada dapatan dan analisis data yang telah dibentangkan dalam bab 4. Kajian ini adalah untuk menjawab objektif kajian melalui penyelidikan ilmiah. Hasil dapatan kajian dan analisis yang dijalankan ke atas murid sekolah tingkatan 1 berdasarkan kajian kes dengan menggunakan instrumen pemerhatian. Penyelidik mendapati bahawa terdapatnya peningkatan terhadap hasil dapatan analisis yang diperoleh melalui pemerhatian semasa refleksi murid selepas pembelajaran dijalankan. Penyelidik mendapati majoriti murid dapat menerima kaedah pembelajaran ini digunakan dalam PdPC. Hal ini, murid dapat belajar dalam keadaan *fun-learning* yang menjadi sumber pemikiran murid tidak tertekan dengan perkara yang tidak menceriakan. Pendekatan *Theatre Games* ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sememangnya membantu murid dalam Pendidikan Seni Visual, ia meningkatkan kreativiti murid dalam pembelajaran dari segi pengolahan idea, cara murid berfikir, dan mengurus kumpulan dengan cara rasional. Seterusnya, memudahkan murid untuk mengingati isi pembelajaran dan memahami dengan pengalaman langsung.

Menerusi kajian ini, didapati murid ketiga-tiga buah sekolah ini lebih suka belajar dalam suasana ceria atau *fun-learning* yang berunsurkan didik hibur dalam PdPC. Pembelajaran teori PSV yang berasaskan *Theatre Games* ini mewujudkan sifat keyakinan diri hasil daripada permainan yang dijalankan. Hasil daripada pembelajaran dan pengajaran bersepadu yang berasaskan *Theatre Games* dapat meningkatkan kreativiti murid dan meningkatkan sensitiviti murid dengan menyesuaikan diri dengan persekitaran yang berbeza. Hal ini, dapat membina keperibadian murid dalam suasana baru dalam menjalani kehidupan kerana *Theatre Games* adalah permainan dalam pembelajaran bukan hanya berfokus pada isi pembelajaran sahaja tetapi menampilkan karektor diri murid yang sebenar. Murid yang pasif, percakapan yang perlahan tetapi semasa dan selepas permainan didapati murid menunjukkan keperibadian yang berbeza iaitu, boleh bercakap dengan lantang dan aktif dalam pembelajaran.

Pemerhatian penyelidik semasa membuat kajian ini, penyelidik dapat membuat kesimpulan bahawa penggunaan pendekatan integrasi pengajaran dan pembelajaran bersepadu Pendidikan Seni Visual berasaskan *Theatre Games* melalui pelbagai pendekatan telah digunakan dalam bilik darjah. Ekspresi murid boleh disalurkan melalui permainan dalam bentuk pembelajaran. Guru merupakan tunjang utama untuk menghasilkan murid yang kreatif dan inovatif. Justeru, guru perlu menggunakan pendekatan yang kreatif bagi menarik minat murid untuk menjalankan aktiviti bersama-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sama dengan rakan-rakan yang lain. Murid sememangnya suka dengan kaedah bermain di dalam kelas, yang mempunyai permainan pembelajaran yang tidak membosankan seperti berlakon, bercerita dan bentuk permainan yang belum diketahui oleh murid. Setelah diteliti, kaedah *Theatre Games* memberi kebebasan kepada murid untuk meluahkan tekanan dalam menghadapi dunia yang sebenar. Di samping itu, murid dapat mengawal situasi dan menyesuaikan diri pada masa hadapan. Pendekatan *Theatre Games* dirancang supaya memberi impak dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan kerana melalui permainan murid akan berasa gembira dan senang hati membuat penerokaan, penemuan dan pembinaan pengalaman langsung secara semula jadi.

Pendekatan berasaskan *Theatre Games* sesuai digunakan dalam pembelajaran kerana dapat mewujudkan suasana ceria melalui *fun-learning* di dalam dan di luar bilik darjah. Hal ini, dapat disimpulkan bahawa kaedah permainan merupakan kaedah yang diyakini dan telah berjaya membantu murid-murid untuk mengembangkan potensi kendiri mereka. Kaedah ini sangat sesuai diterapkan untuk murid yang pasif dan tidak pro-aktif dalam bilik darjah kerana kaedah ini dapat membantu membina keyakinan diri, meningkatkan potensi diri, memberi ruang kepada murid untuk ekspresi diri dan juga menggalakkan cara pengajaran dan pembelajaran dalam keadaan yang menggembirakan tanpa dihimpit dengan suasana yang formal.


Oleh itu, penekanan kepada pendekatan ini menjadikan proses pembelajaran dan pemudahcaraan menggembirakan di samping meningkatkan keupayaan kognitif, keinginan untuk meneroka bagi memenuhi perasaan ingin tahu, kemahiran psikomotor dan efektif serta meningkatkan kemahiran berfikir secara kreatif dan inovatif melalui

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

permain yang berunsurkan inovatif dan kreatif. Bahagian pembangunan Kurikulum menggariskan bahawa ciri-ciri pendekatan belajar sambil bermain yang menggembirakan ialah kaedah bermain yang melibatkan penerokaan dan interaksi murid-murid dengan persekitaran, melahirkan idea sendiri dan memberi peluang kepada murid untuk menumpukan perhatian pembelajaran semasa bermain.

5.1.1 Pembangunan Model Pengajaran dan Pembelajaran



Rajah 2.4. Model *Integrated Learning Visual Arts Education Theatre Games*

Pembangunan model ini adalah salah satu daripada objektif kajian yang diketengahkan dalam kajian oleh sebagai salah satu panduan dalam penggunaan *Theatre Games* dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PSV. Model ini juga memudahkan PdP guru bagi merancang PdPC lebih efektif kepada murid secara sistematik dari segi penerimaan dan mengikut tahap yang tertentu pada perkembangan murid tersebut. Model Pengajaran adalah satu alternatif kepada guru untuk melaksanakan pendekatan *theatre games* ini dengan lebih mudah dan model pengajaran juga boleh mengukur tahap keberkesanan murid dalam PdPC. Oleh sebab itu, guru perlu membuat self-reflection atau refleksi di akhir pembelajaran murid. *Model integrated learning visual arts education theatre games* merupakan sumbangan penyelidik dalam bidang Pendidikan Seni Visual supaya dapat dikembangkan ke tahap yang fleksibel dengan PdPC.

5.2 Cadangan Kajian Lanjutan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian yang dijalankan ini hanya tertumpu pada memprofil dua persoalan utama kajian iaitu kesesuaian pendekatan integrasi dalam pembelajaran abad ke-21 KSSM dan kaedah pembelajaran bersepadu berasaskan *Theatre Games* Pendidikan Seni Visual menengah rendah. Selain itu, kajian ini bertujuan untuk menghasilkan satu bentuk model pembelajaran dan pemudahcaraan berasaskan *Theatre Games* untuk Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM).

Sehubungan itu, berikut dicadangkan beberapa tajuk atau tema kajian lanjutan bagi tujuan penambahbaikan dari aspek memperluaskan kajian, penambahbaikan metodologi, teori dan penghasilan model pembelajaran bersepadu dalam konteks pendidikan khususnya dalam Pendidikan Seni Visual:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

I. Kajian lanjutan mencadangkan supaya memperluaskan kajian tentang *Theatre Games* dalam sistem pembelajaran dan pemudahcaraan mudah dilaksanakan terutama bagi sekolah seni di Malaysia. Kajian *Theatre Games* sangat terhad jika dibandingkan dengan negara lain.

II. Kajian lanjutan juga mencadangkan supaya penambahbaikan metodologi kajian iaitu kaedah gabungan (*mixed method*) atau kualitatif seperti temu bual dan pemerhatian guru semasa proses pengajaran dan pembelajaran digunakan model yang dihasilkan dala kajian ini dapat diperkukuhkan lagi.

III. Kajian lanjutan juga mencadangkan supaya menghasilkan sebuah model pembelajaran bersepadu Pendidikan Seni Visual untuk sekolah menengah. Justeru, pendekatan *Theatre Games* sangat sesuai digunakan untuk murid sekolah menengah ke arah pembelajaran *fun-learning* pada abad ke-21 yang bersesuaian mengikut teknologi masa kini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

RUJUKAN

Abu Talib. (2000). *Seni dalam pendidikan: Soal relevan dan konteks semasa*. Prosiding Konvensyen Kebangsaan Seni Visual 2000. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Alfredo bautista, Liang See Tan, Letchmi Devi ponnusamy, Xenia Yau. 2015. *Curriculum Integration in Art Education*: Connecting Multiple Art Forms Through The Idea of 'space'.

Al Amri, M. (2011). Multidiscipline-based Art Education Model: A Possible Way for Improving the Quality of Teaching Art. *International Journal of the Arts in Society, 6*(4), 77-92.

Alberts, R. (2010). Discovering Science Through Art-Based Activities. *Learning Disabilities: A Multidisciplinary Journal, 16*(2), 79-80.

Ariffin, M. S. N. (2010). *Sejauhmana keberkesanan perlaksanaan sesi apresiasi seni di sekolah menengah dalam pendidikan seni* (Doctoral dissertation, Universiti Pendidikan Sultan Idris).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

Arniza Mokhtar, Zamri Mahamod. (2018). *The Types of Absorption of value Added Skills in the Teaching of Malaysia Language Teacher Based on subject of Teaching.* Malay Language Education Journal-MyLEJ: Fakulti Pendidikan, UKM@Mei 2018.

Asmuni, A. M. (2007). *Penggunaan komputer dalam Pendidikan Seni Visual - kajian di tiga sekolah di negeri Perak*.

Brewer, T. M. (2002). Integrated curriculum: What benefit? *Arts Education Policy Review*, *103*(4), 31–36. https://doi.org/10.1080/10632910209600296

Brunner, J.S. (1961). The act of discovery. Hardvard education review.

Brunner, J.S. (2009). The proses of education. Harvard University Press.

Bude Binda (2010), *Permainan Teater*. Retrieved September 11, 2018: 10:04 PM form https://www.kompasiana.com/jendelakatatiti.wordpress.com/permainan-teater

Creswell, J. (1998). *Qualitative inquiry and research design*: Choosing among five Traditions. Thousand Oaks, CA: Sage.

Dale, E. (1969). *Audio-visual methods in teaching* (3rd ed.). New York, NY: Holt, Rinehart & Winston.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Daniel Blackshields [et al.]. (2015) *Integrative learning international research and practice*: Routledge: London.

David L, Discovery Learning (Bruner) (2017). Learning Theories, February 2, 2017, https://www.learning-theories.com/discovery-learning-bruner.html.

Dhanapal, S., Kanapathy, R., & Mastan, J. (2014, December). A study to understand the role of visual arts in the teaching and learning of science. In *Asia-Pacific Forum on Science Learning and Teaching* (Vol. 15, No. 2, pp. 1-25). The Education University of Hong Kong, Department of Science and Environmental Studies.

Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran. *kurikulum Standard Sekolah Menengah Pendidikan Seni Visual 2016*: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Etim, J. D. S (2005). Curriculum integration: The why and how. In J. s. Etim (Ed), *Curriculum integration K-12: Theory and practice* (pp. 3-11). Lanham, MD: University Press of America.

Farah Aida Sanip. (2015). *Penilaian kesedaran strategi metakognitif dan kemahiran berfikir aras tinggi dalam kalangan murid Biologi*. Tesis (Ijazah Sarjana Pendidikan (Biologi) - Mod Secara Penyelidikan dan Kerja Kursus) - Universiti Pendidikan Sultan Idris.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Fogarty, R. (1991). *Ten ways to integrate curriculum*. Educational leadership, 49(2), 61-65.

Gnanakan. Ken. 2013. *The Integrated Learning Experience*. Willam Carey International Journal, Vol 2.

Hampel, R. (2006). *Rethinking task design for the digital age*: A framework for language teaching and learning in a synchronous online environment. *ReCALL, 18*(1), 105–121.

http://jpnperak.moe.gov.my/ppdlms/index.php/informasi/warta-pendidikan/pppm-2013-2025/67-pembelajaran-abad-ke-21-amalan-dan-pelaksanaan-di-sekolah.

Iberahim Hassan. (2000). *Isu memartabatkan mata pelajaran Pendidikan Seni Visual*. Dekan Fakulti Seni dan Muzik Universiti Pendidikan Sultan Idris: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Harun, Z., N. (2014). Kompetensi Guru dalam Pengajaran Amali Reka Bentuk dan Teknologi di Sekolah Rendah Daerah Batu Pahat.

Horon, T. (2009). *Why the Fine Arts are Important*. Available at: http://schools.amesburyma.gov/AmesburyHigh.cfm?subpage=166912 (accessed: 27/12/2018)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jacobsen, M. & Friesen, S. (2013). *Hands on vs. hands up*: Technology-enabled knowledge building in high school. *Canada Education, 53* (3). Retrieved from http://www.ceaace.ca/education-canada article web-exclusive hands vs hands-technology enabled knowledge building high sch.

Jamian, A. R., & Ismail, H. (2016). Pelaksanaan pembelajaran menyeronokkan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, *3*(2), 49-63.

Johnson, d.W. & Johnson, R.T. 2009. An educational psychology success story: Social interdependence theory and cooperative learning. Educational Researcher 38(5): 365-379.

Kesici, S. 2008. Teachers' opinions about building a democratic classroom. Journal of Instructional Psychology 35(2): 192-203.

Kang Hwa Choo. (2005). *Tahap kemahiran ICT dalam kalangan guru pelatih Maktab Perguruan Di Sabah dan hubungannya dengan gaya pembelajaran*. Tesis Sarjana Muda. Fakulti Pendidikan UTM: Tidak diterbitkan.

Kleiman, G.M. (2000). *Myths and realities about technology in K-12 schools*, *leadership and the new technologies*. Diperoleh daripada: http://www.edc.org/LNT/news/Issue14/feature.htm

Leny Noviani. (2010). *Peningkatan Kemampuan Berpikir Kritis Melalui Integrated Learning pada Mata Pelajaran IPS SMP*. Prodi Pendidikan Ekonomi BKK PTN, FKIP Universitas Sebelas Maret.

Lobman, C., Clark, K., & Ryan, S. (2015). Preschool Through Primary Grades: From the Dress-Up Corner to the Stage: Dramatic Activities for Early Childhood Classrooms. *YC Young Children, 70*(2), 92-99. Retrieved from http://www.jstor.org/stable/ycyoungchildren.70.2.92

Maeda, J. (2013). STEM + Art = STEAM. STEAM Jounal, 1(1)

Manitoba Education and Youth. (2003). Integrated learning through inquiry: A guided planning model. Manitoba Education and Youth Cataloquing in publication Data.

Mcdougall, M., B., Bever, & R., Seper. (2011). *Art as a Way of Knowing*. San Francisco: Exploratorium, pp. 1-33.

Misbahul Huda, Hari Wahyono, Dwi Wulandari. 2016. Peracancangan ILM (*Integrated Learning Model*) dalam Pembelajaran Kewirausahaan. Prodi Pendidikan Ekonomi, Pasca Sarja Univesitas Negeri Malang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Mohd Majid Konting. (1990). "*Kaedah Penyelidikan Pendidikan*." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Muhammad Faisal Ahmad. (2014). *Teknik seni lakon Nazri dalam pengajaran satu kajian kes di negeri Selangor*. Tanjong Malim: Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris

Nunan, S. (2009). Creativity and the Arts in the Primary School. In: Consultative Conference on Education 2009, Dublin: The Irish National Teachers' Organisation, Available at: http://www.into.ie/ROI/Publications/CreativityArtsinthePS.pdf (accessed: 14/12/2018)

Othman Lebar. (2006). Penyelidikan kualitatif pengenalan kepada teori dan method. Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim.

Othman lebar. (2017). *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan Kepada teori dan method Edisi kedua*. Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim.

Osburn, K. M. (2010). *Forum Theatre empowering students to speak, act and know*. Kertas projek, ijazah sarjana muda yang tidak diterbitkan. Western Kentucky University. Retrieved from http://digitalcommons.wku.edu/stu_hon_theses/245

Parsons, M. (2004). Art and integrated curriculum. In E. W. Eisner & M. D. Day (Eds), *Handbook of research and policy in art education* (pp.775-794). Mahwah, NJ: Lawrence Earlbaum Publishers.

Prensky, M. (2001). Digital natives, digital immigrants. *On the Horizon, 9*(5). Retrieved from http://www.marcprensky.com/writing/Prensky Digital Natives, Digital Immigrants - Part1.pdf

Prensky, M. (2013). Shaping technology for the classroom. *Edutopia, Dec. 14, 2013*. Retrieved from http://www.edutopia.org/adopt-and-adapt-shaping-tech-for-classroom

Rahaman, A. A., Rahman, M. J. A., Alias, S. A. M., & Ayu, N. (2018). APLIKASI STEM DALAM PENGAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN DI SEKOLAH LUAR BANDAR: PELUANG DAN CABARAN.

Rajendran, n. 2002. Using constructivist approach to teach higher-order thinking skills: transforming teaching practice to facilitate mindful learning. Paper presented at the 10th International Conference on Thinking, Harrogate, england.

Roessingh, H. (2014). *Teachers' roles in designing meaningful tasks for mediating language learning through the use of ICT*: A reflection on authentic learning for young ELLs / Le role des enseignants dans la conception de tâches pertinentes en apprentissage des langues. Canadian Journal of Learning and

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Technology / La revue canadienne de l'apprentissage et de la technologie, 40(1). Canadian Network for Innovation in Education.

Salvatore, J. (2014). Chapter 8: Articulate and Activate: An Approach to Self-Assessment in Theatre. *Counterpoints, 380*, 115-132. Retrieved from http://www.jstor.org/stable/42981553

Shifra Schonmann (2007). Appreciation: The Weakest Link in Drama/Theatre Education. University of haifa, Israel

Shifra Schonmann (2011) Key Concepts in Theatre/Drama Education : University of HaifaHaifaIsrael :SensePublishers doi.org/10.1007/978-94-6091-332-7

Shahril@ Charil Marzuki & Habib Mat Som. 1999. *Isu pendidikan di Malaysia: sorotan dan cabaran. Kuala Lumpur*: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.

Spolin, Viola (1986). *Theatre Games for the Classroom*: A Teacher's Handbook Nortwestern University Press.

Suraya Bahrum, Norsalawati Wahid, & Nasir Ibrahim. (2017). Integration of STEM Education in Malaysia and Why to STEAM. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, *7*(6), 645–654. https://doi.org/10.6007/IJARBSS/v7-i6/3027

Syaharom Abdullah (1990). *Practical Guide To Education Research*. Kuala Lumpur : Dewan bahasa Dan Pustaka. Edisi Terjemahan.

Tim Pengembang PGSD. (1997). *Pembelajaran Terpadu D II dan S II Pendidikan Dasar*. Jakarta; Dirjen Dikti, Bagian Proyek Pengembangan Pendidikan Guru Sekolah Dasar.

Tajul Ariffin Noordin. (2010). *Pendidik Bina Kebenaran Universal*. Pendidik, 69, 55 – 57.

Tay Meng Guat. (2015). Pembelajaran menyeronokkan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu: Jurnal penyelidikan IPG KBL, Jilid 12, 2015.

Theodore W. Frick (2017). *The Theory of Totally Integrated Education*: TIE. Department of Instructional System Technology School of Education, Indiana University Bloomington.

Trianto. (2007). *Model Pembelajaran Terpadu; Dalam Teori dan Praktik*. Jakarta: Prestasi Pustaka.

Trianto. 2013. *Model Pembelajaran Terpadu; Konsep, Strategi dan Implementasinya dalam Kurikulum Tingkat Satuan Pendidikan*. Jakarta: PT. Bumi Aksara.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Umar, I. N., & Maswan, S. (2007). The effects of a web-based guided inquiry approach on students' achievement. *Journal of Computers*, *2*(5), 38–43. https://doi.org/10.4304/jcp.2.5.38-43

Usher, A. & Kober, n. 2012. Student Motivation: An Overlooked Piece of School Reform. Washington: Center on education Policy, The george Washington University.

West, Keith. (2011). *Inspired drama teaching a practical guide for teachers*. New York, NY: Continuum International Pub.2011

Yahya Othman. (2012). *Humor dalam pengajaran bahasa*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

Zailah Zainudin. (2012). *Didik Hibur.* IPG Kampus Raja Melewar Dilayari pada 12 Jun 2018 dari laman web: http://kssr.bpk.my/berita/didik_hibur.

Zainuddin Abindinhazir. (2004). *Keberkesanan pengajaran kooperatif stad dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual:* Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Zamri Mahamod. (2016). *Sosiolinguistik dan pengajaran bahasa.* Bangi: Penerbit Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

LAMPIRAN A – 1

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PENYELIDIKAN DASAR PENDIDIKAN
ARAS 1-4, BLOK E8
KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62604 PUTRAJAYA

TEL : 0388846591
FAKS : 0388846579

Ruj. Kami : KPM.600-3/2/3-eras(1984)
Tarikh : 9 Oktober 2018

MOHAMAD SAYUTI BIN SEMAN
NO. KP : 930512035807

KG ULU BERTAM GUAL IPOH
17500 TANAH MERAH
KELANTAN

Tuan,

KELULUSAN BERSYARAT UNTUK MENJALANKAN KAJIAN :
PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BERSEPADU DALAM PENDIDIKAN SENI VISUAL SEKOLAH MENENGAH

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa permohonan tuan untuk menjalankan kajian seperti di bawah telah diluluskan dengan syarat :

" PEMERHATIAN SERTA RAKAMAN VIDEO AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN MURID DI DALAM BILIK DARJAH TIDAK DIBENARKAN. "

3. Kelulusan adalah berdasarkan kepada kertas cadangan penyelidikan dan instrumen kajian yang dikemukakan oleh tuan kepada bahagian ini. Walau bagaimanapun kelulusan ini bergantung kepada kebenaran Jabatan Pendidikan Negeri dan Pengetua / Guru Besar yang berkenaan.

4. Surat kelulusan ini sah digunakan bermula dari **9 Oktober 2018** hingga **28 Februari 2019**

5. Tuan dikehendaki menyerahkan senaskhah laporan akhir kajian dalam bentuk *hardcopy* bersama salinan *softcopy* berformat pdf dalam CD kepada Bahagian ini. Tuan juga diingatkan supaya mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada Bahagian ini sekiranya sebahagian atau sepenuhnya dapatan kajian tersebut hendak diterbitkan di mana-mana forum, seminar atau diumumkan kepada media massa.

Sekian untuk makluman dan tindakan tuan selanjutnya. Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

Ketua Sektor
Sektor Penyelidikan dan Penilaian
b.p. Pengarah
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia

salinan kepada:-

JABATAN PENDIDIKAN PERAK, SELANGOR DAN JOHOR

* SURAT INI DIJANA OLEH KOMPUTER DAN TIADA TANDATANGAN DIPERLUKAN *

05-45068

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

LAMPIRAN A - 2

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Jabatan Pendidikan Negeri Perak
Jalan Tun Abdul Razak
30640 Ipoh, Perak Darul Ridzuan

Tel : 605 501 5000
Faks : 605 527 7273
Laman Web : http://jpnperak.moe.gov.my

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : JPNPk.SPS.UPP.600-1 Jld.3 (16)
Tarikh : 21 Februari 2019

MOHAMAD SAYUTI BIN SEMAN
No. 2, Belakang Sekolah Kebangsaan Pangkal Kala
17020 Pasir Masa
Kelantan Darul Naim

Tuan,

KELULUSAN BERSYARAT UNTUK MENJALANKAN KAJIAN DI SEKOLAH – SEKOLAH DI NEGERI PERAK DI BAWAH JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK

Sukacita perkara di atas dirujuk dan surat tuan yang diterima pada 22 Februari 2019 serta surat dari Kementerian Pendidikan Malaysia, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Ruj.: KPM.600-3/2/3-eras(1984), bertarikh 9 Oktober 2018 adalah berkaiatan.

2. Sehubungan dengan itu, dimaklumkan bahawa Jabatan Pendidikan Negeri Perak **tiada halangan** untuk membenarkan pihak tuan menjalankan kajian **"Pengajaran dan Pembelajaran Bersepadu Dalam Pendidikan Seni Visual Sekolah Menengah"** dengan syarat pemerhatian serta rakaman video aktiviti pengajaran dan pembelajaran murid di dalam bilik darjah tidak dibenarkan serta mematuhui syarat-syarat berikut :-

2.1 Pihak tuan perlu mendapatkan kebenaran terlebih dahulu daripada Pegawai Pendidikan Daerah dan Pengetua sekolah untuk menggunakan sampel kajian;

2.2 Kajian yang dijalankan hendaklah tidak mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah;

2.3 Pihak tuan bertanggungjawab menjaga keselamatan dan kebajikan guru-guru yang terlibat dalam kajian ini;

2.4 Pihak tuan hendaklah bertanggungjawab menanggung semua kos kajian;

2.5 Guru-guru/ murid tidak boleh dipaksa terlibat dengan kajian ini;

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

LAMPIRAN A – 3

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI JOHOR
JALAN TUN ABDUL RAZAK,
80604, JOHOR BAHRU
JOHOR DARUL TA'ZIM
e-mel : jpn.johor@moe.gov.my

Telefon
Am : 07-231 0000
Pengarah : 07-231 0198
Timbalan : 07-231 0199
Faks : 07-2384691
Laman web : http://jpn.moe.gov.my/jpnjohor

UNIT PERHUBUNGAN DAN PENDAFTARAN
NO. TEL : 07-2311470 NO. FAKS : 07-2380539

Rujukan Kami : JPNJ.PP.600-1/1/2Jld.2(100)
Tarikh : 24 Februari 2019

Encik / Puan / Cik: Mohamad Sayuti Bin Seman,
No. 2, Belakang Sekolah Kebangsaan Pangkal Kala,
17020 Pasir Mas,,
Kelantan.

Tuan,

KELULUSAN BERSYARAT UNTUK MENJALANKAN KAJIAN: "Pengajaran Dan Pembelajaran Murid Di Dalam Bilik Darjah Tidak Dibenarkan"

Dengan hormatnya surat daripada Kementerian Pendidikan Malaysia Bil:KPM.600-3/2/3-eras(1984) bertarikh 9 Oktober 2018 berkaitan permohonan adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa permohonan tuan untuk menjalankan kajian seperti tersebut di atas telah diluluskan dengan syarat: **"Pemerhatian Serta rakaman Video Aktiviti Pengajaran Dan Pembelajaran Murid Di Dalam Bilik Darjah Tidak Dibenarkan".**

05-45068

3. Sehubungan itu, tuan boleh berhubung terus dengan Pengetua / Guru Besar sekolah berkenaan bagi mendapatkan maklumat dan tindakan selanjutnya.

4. Surat kelulusan ini sah digunakan bermula dari **9 Oktober 2018 hingga 28 Februari 2019.**

5. Sila bawa surat ini semasa membuat kajian dan tuan hendaklah kemukakan kepada jabatan ini senaskah laporan akhir kajian dalam bentuk ***hardcopy*** bersama salinan ***softcopy*** berformat pdf dalam CD setelah selesai kelak.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(AZHARI BIN SAMSURI)
Penolong Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru
